


**Jilid 1
Bil. 3**



**Hari Rabu
24hb Februari, 1971**

PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT

DEWAN RA'AYAT

House of Representatives

PARLIMEN KETIGA

Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN PERTAMA

First Session

KANDONGAN-NYA

MENGANGKAT SUMPAH [Ruangan 133]

RANG UNDANG²:

Rang Undang² (Pindaan) Perlembagaan [Ruangan 133]

MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Rabu, 24hb Februari, 1971

Meshuarat di-mulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADHIR :

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara Perak.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan, Y.A.B. TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
„ Y.A.B. TUN DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M.,
P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).
- Yang Berhormat Menteri Kewangan, Y.A.B. TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- „ Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom, Y.A.B. TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Kesihatan, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ Menteri Perdagangan dan Perusahaan, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri bagi Hal Ehwal Sarawak, Yang Berbahagia TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Buroh, Yang Berbahagia TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ Menteri Pertanian dan Tanah, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Pengangkutan, DATO' HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Ta' Berpotfolio, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K. (Raub).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, Yang Berbahagia TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN HUSSEIN BIN DATO' ONN (Johor Bahru Timor).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).

- Yang Berhormat Menteri Muda Jabatan Perdana Menteri, TUAN ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Samarahan).
- „ Menteri Muda Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ Menteri Muda Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Muda Buroh, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Menteri Muda Pertahanan, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pengangkutan, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT (Johor Bahru Barat).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- „ DATO' DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAID, J.P. (Seberang Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.J.K. (Hilir Perak).

Yang Berbahagia TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).

- Yang Berhormat PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYONG (Labuk-Sugut).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., A.M.N., J.P. (Sungei Patani).
- „ DATO' PENGARAH BAYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.B.S., P.N.B.S. (Julau).
- „ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ TUAN AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).

Yang Berhormat TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).

- „ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K. (Bentong).
- „ TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).
- „ TUAN CHEN KO MING, P.B.S., A.M.N. (Sarikei).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timor).
- „ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- „ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- „ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).

Yang Berbahagia TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).

- „ TAN SRI KHAW KAI BOH, P.M.N., P.J.K. (Ulu Selangor).

Yang Berhormat TUAN KHOO PENG LOONG, O.B.E. (Bandar Sibul).

- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI IDRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ TUAN PETER LO SU YIN (Sandakan).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ TUAN MOHAMMAD SAID BIN KERUAK (Kota Belud).

- Yang Berhormat TUAN MOHD. SALLEH BIN DATO' PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATO' ENSKU MOHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
- „ TUAN MUSA BIN HITAM (Segamat Utara).
- Yang Amat Berbahagia TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- Yang Berhormat TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Luboh Antu).
- „ DATO' SYED NASIR BIN ISMAIL, J.M.N., P.I.S. (Muar Dalam).
- „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ DATO' PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- „ TUAN RAMLI BIN OMAR, K.M.N. (Krian Darat).
- „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, P.I.S., S.M.J. (Muar Pantai).
- „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ TUAN THOMAS GABRIEL SELVARAJ (Pulau Pinang Selatan).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- „ TUAN SINYIUM ANAK MUTIT (Bau Lundu).
- „ TUAN SOO AH TECK (Batu Pahat).
- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON (Bagan Datoh).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ DR SULAIMAN BIN MOHAMED ATTAS, J.P., P.J.K. (Rembau-Tampin).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PETRA (Kimanis).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim Bandar Bharu).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
- „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).

Yang Berhormat TUAN V. VEERAPPAN (Seberang Selatan).
 „ DATO' JAMES WONG KIM MIN (Miri-Subis).
 „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
 „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
 „ TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA
 (Kota Star Selatan).

YANG TIADA HADHIR:

Yang Berhormat Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M., C.H., D.M.N.
 (Kuala Kedah).
 „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
 „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N., J.P.
 (Sabak Bernam).
 „ TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
 „ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).
 „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG HADHIR BERSAMA:

Yang Berhormat Peguam Negara, Yang Berbahagia TAN SRI ABDUL KADIR BIN
 YUSOF, P.M.N., P.J.K. (Di-lantek).
 „ Menteri Dengan Tugas² Khas dan Penerangan, Yang Berbahagia
 TAN SRI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K.
 (Di-lantek).

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Meshuarat)

MENGANGKAT SUMPAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di-
 bawah ini telah mengangkat sumpah seperti
 yang di-sebutkan dalam Perlembagaan:

Dato' Haji Abdul Rahman bin Ya'kub.

RANG UNDANG²

RANG UNDANG² (PINDAAN) PERLEMBAGAAN

Bachaaan Kali Yang Kedua

Atoran Urusan Meshuarat di-bachakan
 bagi menyambong sa-mula Perbahathan yang
 di-tanggohkan atas masaalah, "Bahawa Rang
 Undang² ini di-bachakan kali yang kedua
 sekarang" (23hb Februari, 1971).

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad (Muar
 Utara):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun
 bagi menyokong Rang Undang² (Pindaan)
 Perlembagaan yang ada di-hadapan kita ini
 dan menyambong ucapan saya pada hari
 sa-malam. Tuan Yang di-Pertua, negara kita
 telah kembali kepada demokrasi berparli-
 men, tetapi kita sayugia ingat bahawa
 negara kita ini maseh belum puleh seperti
 sediakala dan gerakan pengganas kominis
 di-kawasan sempadan sama ada di-Malaysia
 Timor atau Barat belum di-hanchorkan lagi.
 Tatkala itu kalau kita tidak mengawasi dan
 membaiki demokrasi yang ada dalam negara
 kita ini demokrasi ini akan hanchor, negara
 ini akan hanchor. Demokrasi yang kita
 terima sekarang, Tuan Yang di-Pertua,
 menurut himmah saya ia-lah demokrasi
 yang kita terima dari Barat. Bagi negeri
 Barat demokrasi berparlimen, pada negeri-
 nya dengan sistem yang ada pada masa
 sekarang sangat sesuai dan menasabah.

Tetapi bagi kita negara yang muda dan membuat banyak pembangunan bagi menaikkan taraf hidup ra'ayat yang mana ra'ayat telah menyerahkan kuasa-nya kepada Wakil² Ra'ayat bagi membentok sa-buah Kerajaan. Tidak-lah boleh menurut himmah saya, Tuan Yang di-Pertua, sistem demokrasi dari Barat itu kita amalkan bahkan hendak-lah kita memikirkan dengan mempunyai satu demokrasi yang keperibadian Malaysia yang bersesuaian dengan keadaan kita sekarang.

Maka dengan sebab itu-lah bagi pihak Kerajaan telah membawa pindaan Undang² ini bagi menimbang dan di-luluskan dalam Dewan ini.

Dato' Yang di-Pertua, lagi satu alasan yang saya hendak mengemukakan, kita pernah melihat bahawa demokrasi yang di-bawa dari Barat itu telah mempunyai keanchoran beberapa buah negeri yang bekas tanah jajahan seperti di-India dan juga di-Pakistan hingga sampai sekarang Kerajaan yang demokrasi belum dapat di-jalankan. Oleh itu bagi parti Pembangkang yang tidak sesuai dengan demokrasi ala-Malaysia ini saya mengeshorkan supaya mereka boleh memilih di-antara dua perkara: Yang pertama patut kita ishtiharkan sa-mula Undang² Dharurat. Yang kedua, kuasa negeri ini kita serahkan kepada kuasa tentera. Ini untuk memelihara kepentingan dan keamanan negara ini.

Dato' Yang di-Pertua, apa yang saya hendak katakan bagi pihak parti Pembangkang berpeluang besar dengan demokrasi yang ada di-jalankan oleh Kerajaan dalam negeri ini kira-nya demokrasi ini tidak di-jalankan, saya memahamkan bahawa Ahli² Yang Berhormat daripada parti Pembangkang khas-nya daripada D.A.P. atau daripada GERAKAN, atau daripada SNAP; dia sepatutnya tidak masuk dalam Dewan ini. Dan saya memikirkan oleh sebab parti D.A.P. ini sa-buah parti yang tetuang daripada parti P.A.P. daripada Singapura dan ini saya bertanya kepada Ahli² Yang Berhormat daripada D.A.P. ada-kah bagi mereka memikirkan ala-demokrasi di-Singapura itu ada lebih sesuai dan baik bagi mereka. Kalau ini sesuai, maka ada lebih baik mereka boleh berhijrah ke-Singapura untuk menguatkan parti P.A.P. di-sana dan bagi Malaysia keadaan yang sa-umpama ini tidak ada tempat lagi di-sini.

Dato' Yang di-Pertua, saya berchakap dalam perkara memansokhkan perlindungan istimewa kepada Ahli² Parlimen dan Ahli² Dewan Negeri. Menurut hemmah saya Rang Undang² ini di-bawa kepada dalam Dewan ini ada-lah sangat sesuai dengan keadaan negara kita yang terdiri daripada berbagai² kaum, kerana sa-tengah² Wakil² Ra'ayat terutama sa-kali daripada parti² Pembangkang menyalah-gunakan keistimewaan yang di-berikan kepada mereka. Mereka tidak peduli apa, mereka tidak memandang kepentingan negara, mereka tidak memandang keselamatan negara, mereka tidak memandang ra'ayat dalam negeri ini, mereka memandang supaya dapat menarik ra'ayat itu memberi sokongan kepada parti. Jadi dengan keadaan yang sa-macam itu, Dato' Yang di-Pertua, ra'ayat ada yang terpengaruh, atau termakan dengan hasutan, atau pun diayah² yang di-salah-gunakan oleh sa-tengah² Ahli Yang Berhormat bila mana menerangkan dasar parti mereka. Dan kiranya tidak di-pinda Undang² ini, Dato' Yang di-Pertua, akan mendedahkan peluang kepada musuh negara yang mana peluang keistimewaan-nya itu tujuan dia tarek balek untuk memelihara perpaduan dan ini-lah juga kehendak² ra'ayat yang kaseh sayang kepada negeri ini yang hendak dudok dalam aman dan tenteram.

Dato' Yang di-Pertua, saya menyentuh dalam Article 159 (5) telah menetapkan bahawa pindaan Article 10 (4); 38, 71 (1) dan 153 tidak boleh di-luluskan, melainkan dengan persetujuan Majlis Raja². Ini kena sangat pada tempat-nya kita meletakkan kemunchak pentadbiran negara ini kepada Raja² dan sesuai dengan tradisi orang Melayu dan ra'ayat Malaysia yang sekarang, ia-itu mempunyai Kerajaan beraja yang di-sifatkan lambang perpaduan dan penaong semua ra'ayat. Kata putus ahli² parti politik juga boleh di-putusan bagi kemunchak persidangan Majlis Raja² ini, dan juga Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Dari semenjak negeri ini di-masa yang lampau, Dato' Yang di-Pertua, telah menjalankan pemerentahan sa-chara beraja dapat-lah ra'ayat dudok dalam aman dan tenteram dan juga dapat ra'ayat mengechap Kema'amoran, tetapi dalam masa pertabalan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ada juga Wakil² Ra'ayat yang tidak sanggup datang dan hadir pertabalan itu, maka dengan ini bagi pihak saya minta Kerajaan memandang

berat atas telatah² sa-tengah daripada Ahli² Yang Berhormat yang tidak uzor, tidak menghadziri pertabalan itu.

Dato' Yang di-Pertua, saya menyentoh dalam perbahathan kapada Fasal 6 (b) dalam Rang Undang², ia-itu memberi kuasa kapada Yang di-Pertuan Agong sa-laras dengan tugas² Baginda sa-bagaimana yang di-tentukan di-bawah Article 153 dalam Perlembagaan untok menjamin perezapan bagi orang² Melayu dan bumiputra tempoh yang berpatutan banyak-nya dalam Universiti, Maktab dan lain² Pusat Pelajaran Tinggi yang lebeh banyak chalon² yang berkelayaan tempat di-sediakan untok bumiputra dan orang Melayu.

Dato' Yang di-Pertua, dalam masaalah ini menurut hemah saya zaman sekarang di-Malaysia ini bahawa bilangan belia-nya bertambah ramai dari satu masa ka-satu masa dan pada masa ini angka belia dari jumlah semua penduduk lebeh daripada 60%. 13 tahun kita telah menyiapkan tiga buah Universiti dalam negeri ini dan akan di-buat sa-buah Universiti Islam dalam masa yang tidak berapa lama lagi, beberapa buah maktab Pusat Pengajian Tinggi dan beberapa banyak lagi yang kita akan tambah maktab² yang sesuai sama ada di-Malaysia Timor atau di-Malaysia Barat. Kita yakin bahawa mereka yang mempunyai kesedaran belia² dalam negeri ini bagi mentadbirkan negaranya pada masa hadapan maka keistimewaan ini ada-lah melapangkan dada mereka dan ibu bapa-nya sakalian.

Sa-lain daripada itu, Dato' Yang di-Pertua, kita dapat dengan ada-nya ramai gulongan yang berkelayakan daripada orang² Melayu dalam negeri ini, satu masa lagi yang akan datang, kita akan dapat mengubah masharakat Melayu satu masharakat yang bertamadon, kerana mereka sedar bahawa ibu bapa dan datok nenek mereka hanya 3 perkara sahaja di-beri peluang sejak beratus tahun dahulu, pertama-nya di-suroh orang Melayu ini bekerja sa-bagai petani, yang kedua nelayan, yang ketiga bekerja dengan Kerajaan dengan chorak feudal; ini sahaja-lah yang tersemat pada otak ibu bapa anak² Melayu pada masa yang lalu.

Pada masa ini, Dato' Yang di-Pertua, khas-nya belia² kita yang saya hendak sebutkan oleh keistimewaan ini di-beri kapada orang² Melayu, orang Melayu tidak mahu

lagi keadaan hidup-nya yang sa-mata² menjadi peon, sa-mata² menjadi penoreh getah, sa-mata² bertani pakai changkol, sa-mata² nelayan pakai perahu, jawatan hanya kerani, atau guru, mereka tidak mahu hanya berjalan kaki, ta'pakai selipar, mereka tidak mahu dudok dalam gerobok² yang burok, mereka mahu apa yang telah di-dapati oleh ra'ayat yang lain dalam negeri ini mereka juga mahu. Mereka mahu rumah banglo yang besar², mahu berjalan dengan motokar yang besar, mahu dalam usaha pertanian-nya dengan menggunakan alat² teknik yang modern, bagitu juga dalam nelayan.

Ini, Dato' Yang di-Pertua, perkara² yang di-hajati oleh belia² kita ini tidak boleh dapat di-chapai melainkan dengan ada ilmu pengetahuan yang tinggi, maka dengan sebab itu-lah Kerajaan telah mengadakan Bill yang ada di-hadapan kita ini.

Dato' Yang di-Pertua, bila saya berchakap orang Melayu moden ini ia-lah sesuai dengan dasar Kerajaan baharu sekarang ini hendak menjadikan, hendak mengubah masharakat ra'ayat Malaysia ini. Arti-nya orang Melayu tidak-lah di-katakan orang Melayu hanya tahu bertani, orang Melayu hanya tahu nelayan, orang Melayu hanya tahu jadi tukang kebun, tetapi orang Melayu juga mahu ahli perniagaan, ahli perniagaan yang besar, ahli perniagaan yang boleh menguntongkan—bukan sahaja pada diri-nya bahkan pada negara-nya dan tatkala itu masharakat orang Melayu akan berubah dan pada ketika itu orang Melayu akan menjadi satu jenerasi Melayu yang modern, tetapi kalau tidak ada dengan pengetahuan yang mereka perolehi mereka akan ketinggalan bagaimana takok yang ada sekarang, Dato' Yang di-Pertua.

Saya pernah membawa sa-orang hamba Allah orang Melayu, yang hendak menjadi wakil tunggal, menjadi agent menjual rokok Gold Leaf—orang Melayu hendak meminta menjadi agent. Agent yang asal, yang tunggal ada di-hakki oleh orang bukan Melayu. Bila saya pergi kapada Pengurus-nya, Mat Salleh, Dato' Yang di-Pertua, Pengurus-nya

Tuan Yang di-Pertua: Siapa?

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Mat Salleh.

Tuan Yang di-Pertua: Siapa Mat Salleh? (Ketawa).

Dr Tan Chee Khoon (Batu): Untuk penjelasan, Dato' Yang di-Pertua, boleh-kah Ahli Yang Berhormat itu menerangkan perkataan "Mat Salleh"? (*Ketawa*).

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Dato' Yang di-Pertua, semua Ahli Yang Berhormat tahu, melainkan Ahli dari Batu, sebab dia itu batu (*Ketawa*).

Bila saya menemui dia, dia telah mengatakan, bahawa agent sharikat kami ini telah di-pusakai daripada zaman berzaman yang menjadi agent-nya ia-lah orang ini. Jadi kalau hendak beri kapada bumiputera tidak boleh, orang bumiputera ini kurang modal, kurang chekap. Saya tanya dia bahawa yang menghisap rokok ini ramai orang bumiputera sekarang. Dia kata bukan masaalah hisap rokok, masaalah keperchayaan kami, kami sudah menjadikan teradisi bahawa orang² Inggeris punya perniagaan dalam negeri ini kami lebeh suka memberikan kapada orang yang bukan Melayu daripada orang Melayu. Ini-lah, Dato' Yang di-Pertua, Menteri Perdagangan dan Perusahaan pun ada saya tengok dan mendengar apa yang saya berchakap.

Bukan banyak, Dato' Yang di-Pertua, orang Melayu ini pun ada modal dia bekas askar, dia ada duit, berapa modal yang hendak di-tamponkan untuk menjadi agent itu dia sanggup, tetapi kata Pengurus itu tidak boleh, ini dasar kami.

Kalau menjadi wakil (agent) menjual rokok yang tidak untong sa-bagitu besar yang maseh di-lokekkan oleh Mat Salleh ini, Dato' Yang di-Pertua, perkara ini yang sa-macam ini, perkara yang besar tentu-lah bumiputera ini tidak ada harapan, yang ada harapan warga-negara yang bukan bumiputera. Sebab bila Mat Salleh tinggalkan negeri ini, penjajah tinggalkan negeri ini segala sakibaki-nya hendak meneruskan usaha keuntongan British itu banyak-lah di-berikan kapada orang² yang bukan bumiputera. Itu-lah asal-nya dia membawa orang² yang bukan bumiputera ini dalam negeri ini dan di-tinggalkan-nya pada masa ini.

Dato' Yang di-Pertua, bila saya berchakap macham ini saya fikir orang Sarawak dia rugi dan masok Parti SNAP. Sebab dalam Pindaan Perlembagaan ini hendak memberi tolong orang bumiputera tetapi Parti SNAP dalam Bill yang macham ini molek dia pergi bangkang—kasehan-lah orang bumiputera yang bertuankan SNAP.

Dato' Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang di-hajati oleh orang Melayu, chita² orang Melayu ini tinggi, Dato' Yang di-Pertua. Tinggi chita² dia daripada Gunong Ledang—Gunong Tahan. Orang Melayu sanggup hendak naik ka-bulan, Dato' Yang di-Pertua. Pada sa'at dan ketika-nya sampai orang Melayu juga hendak menengok apa yang ada di-atas bulan itu. Tetapi kalau tidak ada pengetahuan, Dato' Yang di-Pertua, tidak ada pelajaran tinggi yang ada yang sesuai dengan keadaan dunia sekarang ini, maka akan menjadi impian, Dato' Yang di-Pertua, macham sekarang-lah orang Melayu rindukan bulan, penghabisan sa-kali kita sayang hendak tengok bulan, kita masok PAS.

Dato' Yang di-Pertua, akhir-nya, Dato' Yang di-Pertua, kesimpulan saya berchakap dari hari semalam dan juga petang ini, menurut hemat saya, bahawa Perlembagaan kita ini ada beberapa perkara yang berupa kelonggaran dan tidak membuat peruntukan perpaduan kapada jenerasi kaum dan perpaduan tidak ujud dengan dasar perasaan kebangsaan kerana sifat ra'ayat berlainan asal keturunan. Sementara itu penyokong² kominis bagaimana saya telah berchakap tadi dan juga puak² yang anti-national sa-bagai musuh negara kita telah mengambil peluang dengan kelonggaran Perlembagaan ini. Mereka mengambil kesempatan dengan menyalakan perasaan perkauman dan sensitif dan hasutan kapada kaum² di-negeri ini, maka dengan sebab itu Rang Undang² (Pindaan) Perlembagaan di-bawa ka-dalam Dewan ini untuk di-persetujuan sa-patut-nya oleh semua Wakil Ra'ayat.

Dato' Yang di-Pertua, kerana Perlembagaan dalam arti kata yang umum ada-lah di-maksudkan kapada undang² yang tertinggi sa-sabuah negara dan dengan itu segala jentera pentadbiran negara di-dasarkan pada undang² tersebut. Bagi kita di-Malaysia ini atau di-Malaya konsep berperlembagaan sudah lama ujud ia-itu sejak orang Melayu menubuhkan Kerajaan di-rantau ini, tetapi bukan chara saperti yang kita dapati sekarang. Kerana pada masa itu masaalah yang tidak bagitu sulit sa-bagaimana yang ada sekarang ra'ayat-nya dan masharakat-nya diperintah oleh Kerajaan pada masa itu ia-lah terdiri daripada orang² Melayu dan sedikit² sangat bukan Melayu, tetapi mereka tidak berpeluang mengambil bahagian politik dalam Kerajaan Melayu pada masa itu dan dengan Pindaan ini berbentuk dengan memikirkan

kebebasan hak asasi ra'ayat yang mendapat hak perlindungan Perlembagaan, tetapi sa-jazuk kechil terpaksa di-korbankan dengan di-perketatkan untuk memelihara kesejah-teraan seluroh ra'ayat. Ini ada-lah melichin-kan unsor² berparlimen, ia-itu yang terdiri daripada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Dewan Ra'ayat, Dewan Negara yang akan melahir-kan kema'amoran ra'ayat negeri ini dan dengan ini sa-kali lagi, Dato' Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang² (Pindaan) Perlembagaan yang ada di-hadapan kita ini.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman (Besut): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan shukur kahadrat Tuhan yang maha kuasa kerana dengan hidayah dan taufik-nya saya pada hari ini masih lagi hidup tidak terkorban dalam peristiwa 13 Mei yang lalu. Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kaseh kepada Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk berchakap di-dalam Dewan yang mulia ini bagi membahathkan Akta (Pindaan) Perlem-bagaan sa-bagaimana yang telah di-chadangan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kemudian di-sokong oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Saya berdiri di-sini pada hari ini ia-lah untuk menyatakan sokongan yang penoh bukan sahaja atas diri saya sendiri, tetapi ia-lah dari kira² hampir 90 ribu orang pendudok di-Daerah Besut, Trengganu di-mana saya telah di-pilih oleh mereka sa-bagai wakil-nya. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, pada mula²-nya saya berchadang hendak berchakap mengenai per-kara ini pada petang semalam, ketika Dewan ini mula² membahathkan perkara Akta ini, kerana itu-lah amanah yang di-beri oleh pengundi² saya kepada saya sa-belum dari-pada saya berpijak ka-Dewan yang mulia ini, tetapi niat dan hasrat serta chadangan saya itu telah tergendala di-sebabkan ucapan yang telah di-buat oleh rakan lama saya Ahli Yang Berhormat dari kawasan Bandar Melaka ia-itu salah sa-orang dari pemimpin dan tokoh penting Parti Tindakan Demokratik atau D.A.P. Sebab² yang saya tergendala dari membuat ucapan pada petang semalam berikutan dengan ada-nya ucapan dari sahabat lama saya Ahli Yang Berhormat dari kawasan Bandar Melaka ia-lah kerana sepanjang ucapan-nya yang kadang kala-nya telah menggunakan bahasa² yang kesat, bahasa yang pada fikiran saya sesuai di-tempat² saperti di-tepi² jalan raya atau sa-bagai-nya,

bukan-nya di-dalam Dewan yang mulia ini. Saya dapati beliau selalu menyebut bahawa parti-nya mementang Akta (Pindaan) Perlem-bagaan dan ayat saperti itu telah di-ulang berkali² sepanjang ucapan-nya. Beliau juga telah menegaskan bahawa mengikut fikiran-nya dan pendapat parti-nya bahawa pindaan Perlembagaan saperti yang di-bentangkan di-dalam Dewan ini banyak menimbulkan per-pechahan dari perpaduan dan persefahaman hidup antara kaum² di-dalam Malaysia ini.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, oleh kerana rakan saya Ahli Yang Berhormat dari kawasan Bandar Melaka ini berkali² menyebut perkataan bahawa parti-nya menentang Akta (Pindaan) Perlembagaan, tetapi tidak sa-patah menyebut perkataan bahawa pengundi²-nya menentang Akta (Pin-daan) Perlembagaan ini, maka timbul-lah pertanyaan dalam kepala saya ada-kah Ahli Yang Berhormat ini hanya mewakili parti-nya sahaja di-dalam Dewan ini, atau pun mewakili beribu² pengundi di-kawasan pilehanraya-nya di-Bandar Melaka, dan ada-kah keseluruhan ucapan-nya memba-nyangkan itu-lah hasrat, atau amanat yang di-berikan oleh pengundi²-nya untuk beliau berchakap di-dalam Dewan yang mulia ini. Untuk mendapat jawapan dari perkara yang samar² saperti yang saya sebutkan itu, maka, Dato' Yang di-Pertua, sebaik² sahaja Dewan ini di-tanggohkan pada jam 6.30 petang semalam, saya dengan memberanikan diri terus pergi ka-Bandar Melaka dan bermalam di-sana pada malam tadi, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Sebaik² sahaja saya tiba di-bandar Melaka saya terus pergi ka-tempat² orang ramai saperti di-kedai² kopi, tempat² peranginan di-tepi laut serta di-kelab² malam. Juga saya mengambil peluang menjelajah beberapa buah rumah di-kawasan² yang saya di-beritahu dalam pilehanraya tahun 1969 yang lalu kuat benar memberi sokongan kepada D.A.P.

Di-bandar Melaka saya telah berunding dan menerima laporan daripada kawan² saya yang dengan sukarela-nya bertugas sa-bagai inteligen dan informer kepada saya yang memang sedia ada di-kawasan tersebut. Apa-bila saya menyebut perkataan informer atau inteligen, saya ingin memberitahu khas-nya kepada rakan lama saya ini ia-itu Ahli Yang Berhormat dari kawasan Bandar Melaka juga Ahli² Yang Berhormat yang ada di-barisan Pembangkang bahawa saya memang ramai mempunyai inteligen dan informer yang ber- taraf inteligen dan informer yang kehormat.

Bekerja dengan penoh semangat lagi chermat dan dengan penoh minat. Mereka terdiri dari warganegara Malaysia yang benar² ta'at setia kapada negara Malaysia serta jujur dan ikhlas dalam menjalankan tugas sa-hari².

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat dari barisan Pembangkang bahawa antara Ahli² Yang Berhormat dari barisan Pembangkang juga memang ada inteligen dan informer yang bertaraf yang kehormat ini dan mereka sekarang ini nampak senyum² bila saya berchakap kerana mereka berada dalam Dewan ini. Tetapi dukachita, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya tidak dapat hendak menyebutkan nama-nya demi menjaga keselamatan-nya serta melichinkan pekerjaan-nya.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, sekarang saya kembali balek kapada isi ucapan Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka. Apabila saya sampai di-bandar Melaka malam tadi dan terus membuat peninjauan khas dengan tujuan untuk mendapat kepastian apa-kah isi ucapan Ahli Yang Berhormat dari kawasan Bandar Melaka itu benar² di-sokong oleh pengundi²-nya, atau pun tidak. Selesai sahaja saya membuat peninjauan dan menerima report dari inteligen dan informer saya kira² pada jam 9.00 pagi tadi saya tiba balek ka-Ibu Kota, Kuala Lumpur dan terus ka-kawasan Bangsar serta ka-kawasan pilehanraya Batu, Selangor, kerana menjalankan tugas yang sama juga saperti yang telah saya jalankan di-bandar Melaka.

Dalam penyelidekan saya ini, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya dapati orang ramai sejak daripada malam tadi sahingga-lah kapada pagi ini telah banyak mempersoalkan isi ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri Kewangan, Yang Berhormat Ahli dari kawasan Bandar Melaka dan sahabat² saya yang dua orang lagi. Apabila saya menemui dengan penyokong² daripada D.A.P., mereka terperanjat, kerana pada pendapat mereka ucapan² yang saperti itu tidak sa-harus-nya di-ucapkan oleh wakil mereka sa-telah berlaku-nya 13 Mei, dan keadaan mereka nampak-nya bergelisah dan kalau wakil daripada Bandar Melaka ini ingin memastikan apa yang saya chakapkan ini benar atau tidak, boleh kita pergi pada malam ini bersama² meninjau pendapat penyokong²-nya.

Dari penyiasatan ini saya dapat membuat kesimpulan bahawa ucapan, atau pun isi ucapan yang di-buat oleh wakil Bandar Melaka itu hanya-lah merupakan pendapat-nya sendiri, tidak merupakan hasrat daripada pengundi²-nya, merupakan pendapat daripada rakan² sa-taraf dengan-nya, bukan merupakan hasrat dan kemahuan daripada orang² yang memberi sokongan kerana ingin kapada kemajuan dan keamanan dalam negeri ini.

Sekarang nyata-lah, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, bahawa bangkangan dan tentangan yang di-suarakan oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Bandar Melaka itu bukan-lah hasrat dan pendapat dari pengundi²-nya yang terdiri dari berbagai² bangsa dan keturunan serta berlainan fahaman ugama dan benar² mempunyai perasaan ta'at setia yang tidak berbelah bahagi kapada negara Malaysia ini. Dengan sebab itu saya berpendapat kita Ahli² Yang Berhormat yang ada di-dalam Dewan yang mulia ini, yang di-amanahkan oleh ra'ayat serta sangat² di-harap²kan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong supaya semua Anggota² Parlimen termasuk-lah Ahli Yang Berhormat dari kawasan Bandar Melaka memberi pertimbangan yang teliti, mendalam, ikhlas dan jujur ketika membahathkan shor² dan chadangan² penting yang di-kemukakan oleh Kerajaan demi mengukuhkan ketenteraman dan perpaduan negara sa-bagaimana Titah yang di-sampaikan sendiri oleh Baginda dari Singgahsana di-dalam Dewan yang mulia ini, di-hadapan kita semua baharu dua hari yang lepas dan saya tidak fikir sahabat saya Ahli Yang Berhormat dari kawasan Bandar Melaka tidak faham akan tujuan dan maksud dari Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ini.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saperti yang saya telah tegas di-permulaan saya beruchap tadi bahawa saya berserta dengan kira² hampir 90,000 orang penduduk di-daerah Besut, Trengganu, yang terdiri daripada berbagai² bangsa dan keturunan serta berlainan fahaman politik juga pegangan ugama, ada-lah menyokong penoh di-atas Akta (Pindaan) Perlembagaan, kerana sa-panjang ucapan dalam penerangan yang diberi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga Yang Berhormat Menteri Kewangan, saya chukup faham dan keyakinan sa-penoh²-nya di-atas kejujoran dan keikhlasan, lebeh² lagi apabila saya sendiri

membacha dan menghalusi ayat demi ayat Rang Undang² yang bernama Akta (Pindaan) Perlembagaan Persekutuan yang di-bentangkan di-dalam Dewan yang mulia ini. Saya berpendapat mereka yang akan berchakap menentang Akta ini berasaskan dua perkara. Pertama kerana mereka benar² tidak faham dan tidak bersedia untuk memahaminya dan yang kedua kerana sengaja membuat tidak faham pada hal keadaan yang sa-benar-nya mereka lebeh dari faham, atau memang benar² degil dan berkepala batu, chuba hendak menonjol²kan diri konon-nya mereka-lah juara perkauman yang bertujuan samata² untuk mendapat undi dari gulongan² yang tertentu dalam pilihanraya yang akan datang, dengan tidak mengira apa akan terjadi kapada ra'ayat jelata seluroh-nya.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, pada petang sa-malam salah sa-orang dari sahabat karib saya ia-itu Ahli Yang Berhormat dari kawasan Kuala Selangor tatakala membahathkan ucapan dari wakil Bandar Melaka ini telah menyebut tentang hasrat-nya tidak mahu menyongkil dan mengorek tentang sebab² terjadi-nya Peristiwa 13 Mei yang lalu, kerana kata-nya sa-makin di-chongkil, sa-makin di-korek nanti sa-makin dalam. Kapada saya kalau di-chongkil dan di-korek hingga sa-makin dalam tidak menjadi hal, kerana kadangkala ada juga kelazatan-nya apabila kita masok sampai jauh ka-dalam, tetapi apa yang membimbangkan saya, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, ia-lah sa-kira-nya perkara ini di-korek dan di-korek, di-chongkil, kemudian di-chongkil lagi, lama-kelamaan benda yang di-korek dan di-chongkil itu akan tembus dan bochor. Sa-kira-nya dari lobang yang bochor itu keluar ayer tidak juga membahayakan-nya kerana kadang² ada juga seronok sa-kurang²-nya kita boleh mandi dari ayer yang keluar, tetapi apa yang membimbangkan saya yang sa-benar-nya, saya takut kalau² dari lobang yang bochor itu akan keluar darah. Kira-nya darah yang akan keluar, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, maka akan mengalir-lah darah dalam Malaysia ini dan ra'ayat dalam Malaysia akan mengharongi lautan darah dan mayat akan bergelimpangan di-tengah² jalan. Semua kebaikan yang kita usahakan sa-lama ini akan hanchor lebor dan binasa serta tidak berfaedah lagi. Jadi-lah negara Malaysia ini padang jarak, padang terkukor. Sa-sunggoh-nya, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, kejadian

13 Mei yang lalu hanya-lah sa-bagai ujian dan amaran dari ilahi untuk kita berfikir, tetapi bagi sa-tengah² pemimpin² Pembangkang tidak begitu bimbang dengan kejadian dan peristiwa tersebut, kerana mereka bersedia untuk keluar negeri sa-baik² sahaja negara Malaysia mengalami kekacauan. Sa-bagai chontoh-nya, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, lihat sahaja-lah apa yang telah di-ambil oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Bangsar. Beliau terus pergi ka-luar negeri sa-baik² sahaja berlaku Peristiwa 13 Mei, kemudian balek sa-mula ka-negeri ini dan sekarang ini berada di-dalam Dewan sa-baik² sahaja keamanan puluh sa-mula.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, pada petang sa-malam juga sahabat baik saya Ahli Yang Berhormat dari kawasan Parit (Perak), telah berchakap dengan penoh semangat, dengan penoh keberanian dan penoh kejujoran serta keikhlasan. Beliau ada-lah merupakan ahli Pembangkang yang ulong dan pertama mematohi Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong saperti yang telah saya sebutkan tadi. Kapada sahabat baik saya, Ahli Yang Berhormat dari kawasan Parit ini, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, di-dalam Dewan yang mulia lagi suchi ini, saya mengambil peluang untuk menguchapkan satinggi² tahniah dan berdo'a sa-muga Tuhan sentiasa memberi taufek dan hidayah kapada-nya untuk membolehkan beliau sentiasa bersikap jujur dan ikhlas saperti yang telah di-tunjokkan pada hari sa-malam.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya penoh keyakinan bahawa sekongan yang di-suarakan oleh-nya bukan sahaja merupakan pendapat-nya sahaja malahan ada-lah merupakan hasrat dan amanat dari beribu² pengundi-nya serta juga menyuarakan kehendak² mereka, penyokong² di-dalam parti-nya, juga rakan²-nya yang lain dari Ahli² Yang Berhormat dalam Parti Islam sa-Tanah Melayu atau pun PAS.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya di-fahamkan oleh salah sa-orang dari Ahli² Yang Berhormat dalam Parti Islam Sa-Tanah Melayu sa-jurus sa-belum saya masok ka-dalam Dewan yang mulia ini pada hari ini bahawa Yang Amat Berhormat Ahli Dewan Ra'ayat bagi kawasan Kota Bharu Hulu, yang juga Pemangku Yang di-Pertua Agong Parti Islam Sa-Tanah Melayu mungkin tidak akan berchakap di-dalam Dewan

ini berkaitan dengan Akta ini, kerana beliau di-katakan telah memberi mandat kepada sahabat baik saya, Ahli Yang Berhormat dari kawasan Parit yang beruchap pada petang sa-malam. Saya sendiri tidak dapat mengesahkan sama ada perkara ini benar atau tidak, kerana yang memberi ma'alumat ini bukan-nya dari intelijen saya. Tetapi kira-nya benar, ini ada-lah suatu alamat yang baik yang akan melahirkan suatu persafahaman dan pengertian yang sa-benar²-nya dan ini ada-lah suatu alamat baik, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, untuk memelihara suatu persafahaman dan pengertian yang sa-benar²-nya tentang ada-nya kesilapan² yang telah berlaku di-masa² yang lampau dan saya penoh berkeyakinan kira-nya wakil dari Parit ini sudah lama berada di-dalam Dewan ini, sudah tentu-lah perselisihan² di-masa yang lampau tidak akan berlaku antara ahli² dari Perikatan dengan ahli² dari Parti Islam Sa-tanah Melayu. Tetapi apa boleh buat Ahli Yang Berhormat ini, ini-lah kali yang pertama baharu masok ka-dalam Dewan ini.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, pada mula-nya saya tidak berhajat hendak berchakap panjang di-dalam Dewan yang mulia ini, kerana hendak memberi peluang yang lebeh kepada Ahli² yang lain terutama Ahli² Yang Berhormat dari pihak Pembangkang, tetapi memandang kepada keadaan yang begitu sejok dan dingin dalam perbahathan pada petang semalam di-mana Ahli² Yang Berhormat dari pihak Pembangkang kelihatan tidak begitu berminat untuk berchakap dan tokoh² penting saperti Ahli² Yang Berhormat dari kawasan Seremban Timor, dari kawasan Batu, dari kawasan Menglembu (Perak) dan kawasan Tanjong (Pulau Pinang) kelihatan termenong dan mengantok sahaja di-dalam Dewan ini sa-panjang petang semalam, maka itu-lah yang mendorong saya untuk berchakap lebeh panjang sedikit pada hari ini. Mudah²an ini ada-lah sa-bagai suatu chara merintis jalan untuk di-lalui oleh rakan² saya dari barisan Pembangkang.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, sa-belum saya meneruskan ucapan ini sukachita kira-nya Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua dapat menerangkan kepada saya berapa lama-kah masa-nya yang boleh saya berchakap dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Lama itu suka hati, tetapi beri pandangan kepada Ahli² yang lain hendak berchakap, itu sahaja.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Saya ucapkan ribuan terima kaseh di-atas kesudian dan baik hati Dato' Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, sejak semalam hingga ka-hari ini kita semua yang berada dalam Dewan yang mulia ini telah mendengar ucapan dari wakil D.A.P. dan PAS, sa-lain dari wakil² di-sa-belah Kerajaan juga wakil dari Sarawak. Tetapi apa yang belum kita semua dengar lagi ia-lah ucapan dan sikap dari Parti Gerakan Ra'ayat Malaysia. Saya perchaya Ahli² Yang Berhormat yang lain juga bersetuju jika saya katakan di-sini bahawa kita semua sekarang ini rindu benar hendak mendengar ucapan dari mereka dan elok benar, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, kira-nya sa-lepas saya beruchap ini di-beri-lah peluang pula kepada Ahli dari kawasan Tanjong (Pulau Pinang) atau Ahli Yang Berhormat dari kawasan Seberang Tengah (Pulau Pinang).

Tuan Yang di-Pertua: Itu terpulang kepada saya (*Ketawa*).

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Chuma rayuan daripada saya, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua.

Sa-belum saya masok ka-Dewan ini pada hari ini, saya ada dengar khabar mengatakan bahawa pihak Pembangkang akan mengambil sikap tidak begitu berminat untuk berchakap mengenai Akta ini, kerana mereka berchadang hendak memasang perangkap atau jerat kepada Ahli² Yang Berhormat dari pihak Kerajaan. Mereka ingin menunggu kalau² ada di-antara Ahli² Yang Berhormat dari pihak Kerajaan yang akan berchakap, berchanggih antara satu sama lain. Sa-kira-nya ini benar, saya ingin memberi tahu kepada mereka bahawa kami dari ahli² Kerajaan yang ada di-dalam Dewan ini semua-nya telah bersatu, bersatu hati, bersatu fikiran dan bersatu dalam menyokong serta memperkatakan bahawa Akta ini baik dan perlu di-luluskan. Sebab itu-lah jika Ahli² Yang Berhormat dari pihak Pembangkang mendengar ucapan dari Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri Kewangan, Yang Berhormat wakil dari Kluang Selatan, Yang Berhormat dari Kuala Selangor dan

Yang Berhormat dari Muar Utara ada-lah berchakap di-atas satu nada yang membayangkan bahawa mereka ada-lah ra'ayat Malaysia yang benar² jujur dan ikhlas dan berjuang untuk kepentingan ra'ayat seluruhnya. Jika di-kaji dari ucapan Ahli² Yang Berhormat dari pehak Pembangkang, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, nampak benar berlainan antara satu sama lain dan ini membayangkan bahawa mereka membangkang bukan untuk kepentingan ra'ayat, tetapi mereka membangkang untuk kepentingan-nya dan kunchu²-nya sahaja. Ini tidak-lah termasuk Ahli Yang Berhormat dari kawasan Parit yang saya katakan tadi, kerana beliau patut di-jadikan chontoh dan ikutan kepada Ahli² Yang Berhormat yang lain dari pehak Pembangkang.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, tiap² sa-orang daripada Ahli² Yang Berhormat yang ada di-dalam Dewan ini tentu-lah berasa shukor dapat berada di-dalam Dewan yang mulia ini, dan sa-belum daripada kita masuk ka-dalam Dewan yang mulia ini kita terlebih dahulu di-pilih oleh parti, kemudian di-pilih oleh ra'ayat dalam suatu pilihan raya yang amat sukar sa-kali. Kita juga lebih dahulu terpaksa menemui orang ramai dan menerangkan hasrat serta tujuan kenapa dan mengapa kita berkehendak kepada undi mereka untuk datang duduk di-dalam Dewan yang mulia ini. Kita di-pilih ada-lah dengan tujuan² yang baik. Kita di-harapkan sangat² oleh pengundi² supaya datang ka-Dewan ini memperjuangkan nasib mereka dan kepada mereka yang mendapat suara lebih mentadbirkan negeri ini dengan baik dan aman tenteram bagi menjamin supaya orang ramai dapat hidup dengan mewah dan sempurna.

Jadi, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, kalau memandang kepada ucapan² yang telah di-beri oleh wakil Bandar Melaka nampak sangat kepada saya bahawa beliau ini di-pilih oleh pengundi²-nya dengan tujuan² yang baik dengan maksud² yang baik, tetapi beliau telah menggunakan atau pun dengan lain perkataan telah mengkhianati hasrat dan keinginan daripada pengundi²-nya. Sebab itu saya perchaya dan penoh yakin kira-nya pada masa akan datang beliau terus-menerus dengan sikap yang seperti ini Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, maka apabila tiba tahun 1976 nanti di-mana kita akan menghadapi satu pilihan raya boleh jadi wakil Bandar Melaka ini tidak lagi bertanding di-kawasan Bandar

Melaka, kerana sudah tentu-lah penyokong²-nya seperti yang saya sudah jumpa malam tadi tidak akan sanggup memberi sokongan lagi. Satu perkara yang sangat menarik perhatian saya

Tuan Yang di-Pertua: Saya suka hendak bertanya, bila agak-nya masa kita memberi peluang orang lain berucap?

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Itu terulang-lah kepada kebijaksanaan Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kebijakan saya, atau kebijakan Ahli Yang Berhormat?

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Terima kasih. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, oleh kerana nampak-nya ada keinginan daripada rakan² saya yang lain hendak berchakap dan nampak-nya keadaan dalam Dewan ini mula hendak panas balek, jadi saya boleh-lah memendekkan ucapan saya ini kechuali beberapa minit sahaja lagi untuk menghabiskan apa yang saya hendak chakap dalam Dewan ini.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, kepada saya Rang Undang² Akta (Pindaan) Perlembagaan ini sangat²-lah baik. Mengenai dengan perkara yang hendak di-tegahkan, Wakil² Ra'ayat sama ada di-dalam Dewan Ra'ayat, Dewan Negara dan juga Dewan Negeri daripada menyentuh perkara² yang boleh menyinggong perasaan sa-tengah² gulungan ini ada-lah chara yang baik. Kerana seperti yang saya katakan tadi bahawa tujuan pengundi bagi mengundi kita semua yang boleh masuk ka-dalam Dewan ini bukan-lah untuk membahathkan perkara² yang boleh menyinggong perasaan sa-tengah² orang yang lain. Jadi di-masa² yang telah lalu negara kita ini telah berjalan mengikut kaedah demokrasi berparlimen barangkali tiru dari luar, sebab itu-lah dari sa-tahun ka-satahun keadaan dalam negeri kita ini bukan-nya semakin baik malahan dari satu pilihan raya ka-satu pilihan raya yang keadaan-nya bertambah kusut, sa-hingga-lah sampai kepada sa'at selesai-nya pilihan raya tahun 1969 dan terjadi-lah 13 Mei.

Saya penoh berkeyakinan kira-nya perkara² yang seperti ini tidak di-buat, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, barangkali kita tidak dapat meneruskan pilihan raya dalam tahun 1976 akan datang, kerana kesan² daripada 13 Mei dan rasa² dendam daripada

kejadian 13 Mei ini mungkin akan meletup dalam pilihan raya yang akan datang, kiranya wakil² yang di-pilih oleh mereka datang ka-Dewan ini mengkhianati apa yang telah di-amanahkan oleh mereka seperti yang telah di-tunjokkan oleh wakil dari Bandar Melaka.

Dengan sebab itu, saya merayu dan memohon sungguh² Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua kepada Kerajaan khas-nya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sa-baik² sahaja Rang Undang² ini di-luluskan dan Rang Undang² ini sampai kepada peringkat pelaksanaan-nya, saya merayu dan memohon kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya menjalankan-nya dengan penuh keberanian supaya menjalankan-nya dengan tidak meninggalkan satu ayat dan satu titik dalam pelaksanaan-nya. Kerana jikalau Rang Undang² yang bagini mustahak dan penting, tiba² di-luluskan oleh kasemua Ahli² Yang Berhormat di-dalam Dewan Ra'ayat dan Dewan Negara, kemudian di-persetujui oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tiba² sampai kepada peringkat pelaksanaan-nya berjalan dengan keadaan yang lemah, berjalan dengan keadaan yang terlampau slow, lebih lemah dari undang² yang lalu, kerana dari pengalaman saya kita sudah banyak membuat undang², kita sudah banyak membuat peratoran², tetapi kadang-kala-nya undang² dan peratoran yang di-hajat² sangat oleh pihak Kerajaan itu apabila sampai masa-nya tidak di-jalankan seperti yang dikehendaki oleh Ahli² yang berchakap dan membahathkan Rang Undang² itu. Dengan sebab itu, saya ingin mengatakan di-sini dengan terus terang kira-nya undang² ini tidak di-jalankan dengan tegas, maka nilai dan harga undang² yang kita luluskan di-dalam Dewan ini, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, ada-lah lebih murah dari kertas² burok yang di-champakkan oleh orang ramai ka-dalam longkang.

Jadi untuk menjaga nilai dan menjaga mutu undang² yang di-luluskan di-dalam Dewan yang mulia seperti ini, sebab itu-lah saya merayu dan saya penuh berkeyakinan kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan nampak-nya senyum² barangkali bersedia untuk melaksanakan undang² ini. Dan kalau perlu chubakan-lah sa-orang dahulu sa-bagai contoh dan kalau diizinkan, chuba-lah kepada wakil dari Bandar Melaka.

Wakil dari Bandar Melaka ini, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, sa-panjang ucapan-nya pada petang semalam telah membayangkan konon-nya Kerajaan tidak akan dapat bertindak dengan undang² ini. Kata-nya tentu-lah Kerajaan tidak berupaya mengawal dari orang ramai berchakap² dengan perkara² sensitif ini di-tiap² buah rumah, kerana tentu-lah kita tidak mempunyai pegawai² keamanan, pasokan tentera yang boleh mengawal di-tiap² buah rumah.

Saya ingin menegaskan di-dalam Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, walau pun dalam negara kita ini tidak dapat kita mengadakan pegawai² keamanan dan anggota² inteligen di-tiap² buah rumah, tetapi negara Malaysia ini ia-lah sa-buah negara yang berdaulat. Kedaulatan dari Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan memberi nafas kepada sa-tiap orang yang bertugas untuk menchari kebaikan. Sebab itu-lah, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, kadang² sa-saorang yang datang menchuri di-tengah² malam ketika tuan rumah tidur dengan nyenyak dapat juga di-tangkap oleh Kerajaan, padahal-nya di-waktu itu tidak ada orang yang melihat chuma antara penchuri dengan Tuhan sahaja, inikan pula hendak berchakap ini ada orang yang mendengar dan ada orang yang berchakap, takkan-lah tak dapat di-ikuti, atau tidak dapat di-ekori oleh pihak² yang tertentu.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya rasa satakat ini-lah sahaja ucapan saya dan lagi sa-kali saya ucapkan jutaan terima kasih.

Dato' S. P. Seenivasagam (Menglembu):

(Dengan izin) Mr Speaker, Sir, twenty-one months after an arbitrary dictatorship was imposed upon this country we meet here and we are called upon to approve a Bill which seeks to restrict freedom of speech not only in the country but also among Members of Parliament. We are here, Mr Speaker, as the representatives of the millions of people in Malaysia who have elected us to come into this House and to make their voices heard. It is unfortunate, therefore, Mr Speaker, that this historic occasion is marred by threats and attempted intimidation of Members of this House before we even entered into these premises. I refer particularly to the threat that Parliament will be shut down if Members of this House do not approve this Bill. This is a threat which should never have

been uttered in any democratic country by anybody who professes to know anything about democracy.

As Members of this House, Mr Speaker, Sir, are to reflect the views of the people they represent, they have to speak and be guided by their conscience and by their convictions, uninfluenced by threats. We were sent here by the people who voted for us not to become traitors to their wishes, and not to sell their rights away.

Mr Speaker, Sir, we of the Peoples' Progressive Party are here and we shall express our views on the proposed amendments to the Constitution without fear and with a clear conscience, and we are here today by the rights conferred upon us by the Constitution of this country, and not because of the will or pleasure of any individual or individuals.

We have been told, Mr Speaker, Sir, by the Honourable Prime Minister that we must not forget the lessons of May 13, and he concluded his reference to May 13 by saying that the lessons of May 13 must never be forgotten. On this we fully agree, Mr Speaker, but we are in complete disagreement as to what the lessons were. In the first place, Mr Speaker, Sir, has the day come to this country when we have to learn lessons from rioters, from murderers, from thugs, from rapists? Have we got any lesson to learn from them? Or is it our duty to teach them a lesson? That, I think, is the basis of the whole question. Should we not be sitting here today to discuss ways and means of suppressing such people and locking them up, instead of gagging ourselves? Must the Constitution be surrendered to the mob or must the mob surrender to the Constitution? That is the question which we have to decide.

In order to prescribe the remedy, Mr Speaker, Sir, one must diagnose the disease. Today we are discussing ways and means to prevent a recurrence of the riots of May 13 and it is, therefore, necessary to understand the causes of those riots. We totally reject the official Government or Alliance reasons, and it follows, therefore, that the remedial measures proposed will be ineffective to achieve the objects. We prefer, Mr Speaker, Sir, the impartial reports of foreign correspondents as to the immediate causes of the riots and of the events which occurred on that day. Their reports, Mr Speaker, Sir, are amply corroborated by evidence avail-

able locally and evidence which all know but choose to keep their eyes shut. Even a perusal of the N.O.C. Report, Mr Speaker, Sir, shows that the responsibility for what happened on 13th May lies squarely on the Selangor UMNO, and there is no getting away from that. There is no use trying to draw red herrings across the trail to hide the shame of that day and the shame of the crimes which were committed against innocent women and children. To us, Mr Speaker, Sir, in considering the reasons and the remedies which ought to be looked for, we must consider whether these riots are the result of policies adopted by the previous Government. Are they the result of instigation by responsible leaders in the town of Kuala Lumpur, or are they the result of the speeches of Opposition Members, as alleged by the Government and which they are using as justification for these gagging measures? Mr Speaker, Sir, we are convinced that the riots of May 13 were due to the fact that there were certain individuals who were not prepared to lose power in the State and rather than lose power they were prepared to create havoc—and that was the immediate cause of the riots. What ought to have been treated as a Police action, what ought to have been suppressed ruthlessly, was taken upon as an excuse to proclaim a dictatorship in this country and to suppress the fundamental rights which were guaranteed to the people of this country.

It is ridiculous, Mr Speaker, Sir, to suggest that the election speeches sparked off these riots. In 1964 we had an election campaign. The issues were the same: multi-lingualism, equal rights, special rights. Those were the issues in 1964. The elections came; the elections went; no rioting, no troubles, no resentment. Why? Because the Alliance won the majority of seats. There was one more election before 1969. In that election also the same issues were canvassed widely, throughout the length and breadth of this country. The election results were declared; the Alliance got what they wanted. There was no rioting, no trouble, no sensitive issues. Everybody was happy. 1969 came. Election campaigns, I agree, were on these lines: that the people wanted equal rights, that the special privileges were not really helping the Malays but they were really helping a new group of capitalist Malays, that there were a few directors of companies and so on who were not going to help the Malay ra'ayat. That was the line of the argument of the Opposition, and I say it

was a legitimate criticism of the implementation of those rights. By that time—1969—of course the wool had been taken away from the eyes of the electorate. The Opposition won far more, if I may say so, than was anticipated by the Alliance. The Alliance got a rude shock. They lost the majority in Penang: they lost the Government of Penang. They lost the majority in Perak, although unfortunately we were unable to form the Government in Perak. They were equally divided in Selangor. Then came the trouble. During the entire election campaigns throughout the length and breadth of Malaysia, was there a single incident at any election rally? If there was so much resentment with people talking about Malay rights and Malay privileges, one would have expected incidents at the rallies. That was the time when passions were stirred up, if they were at all. And why then did all these rallies go on peacefully? It is because people thought that whatever the Opposition talked the Alliance was going to win: "Why worry? Let us put up a front to the world that we are democratic. Let the Opposition talk what they like". But when the result came, it came like a thunderbolt and certain persons just could not take it; by hook or by crook they wanted to cling on to their seats, cling on to power, and that is why the spark was lighted in Kuala Lumpur, and that is why the riots occurred in Kuala Lumpur. Let us not blind ourselves. Let us not look for weak, lame excuses.

As I have said, Mr Speaker, Sir, the question of equal rights in this multi-racial country, the question of multi-lingualism in this multi-lingual country, was never abandoned ever since Merdeka and indeed even before Merdeka, and what has been spoken of for thirteen years cannot at this stage be said to be a sensitive issue. It is sensitive because people have instigated trouble, because those who created trouble, those who rioted, they enjoyed the patronage and the protection of those who ought to have known better.

But the main reason, Mr Speaker, Sir, is this. We have been hearing a lot about economic imbalance, about the poverty of the Malays. Undoubtedly there is poverty among Malays; undoubtedly there is poverty among Chinese; there is poverty among Indians. Let us take a ride around Kuala Lumpur or any other big town as Ipoh. Who are the

people sleeping on the five-foot ways? Who are the people sleeping under the bridges? Who are the people who are starving on the streets? It is the non-Malays. Go into the kampongs, you find equal poverty among the Malays. We do not deny that. But it is no use saying that non-Malays are living in luxury, Malays are living in poverty and, therefore, there is such an economic imbalance that we have got to do something, otherwise May 13 is going to come back again. May 13 had nothing to do with these questions. But what is being constantly overlooked, and for which a remedy must be found, is the political imbalance in this country, and the danger is this that one community—and let us not mince words about it—i.e., the Malays are not prepared to share political power with the non-Malays. That is the root of the whole trouble in this country, and we should embark upon a propaganda campaign to teach everybody in this country that this is the country of Malaysians. It is immaterial who wins an election so long as he is a Malaysian. That, I say with all sincerity, was the cause of the trouble on May 13. When the Malays found that they were losing their supporters in Parliament, that their partners, the M.C.A., were losing their seats, then the Malays became hostile to the non-Malays and that is the root of the whole thing.

Now, we come, Mr Speaker, Sir, to the proposed remedies. It is proposed to entrench certain provisions in the Constitution and at this stage, before I go further, let me make one thing clear—because nowadays people are only too glad to misrepresent facts—the People's Progressive Party has never questioned the position of the Rulers or the position of the Yang di-Pertuan Agong. We have been absolutely loyal and we shall continue forever to be loyal to the Rulers and to the Yang di-Pertuan Agong. Similarly, we have never for one single moment questioned the status of Islam as the official religion of this country and that we shall never do. That is undisputed and it is accepted. Barring these two factors, barring these two pillars of this country, we have always exercised the right to criticise any other privileges, special or otherwise.

Now, on the pretext that such free criticisms sparked off the riots of May 13, it is sought to introduce this Amendment. Entrenching of certain special privileges, of provisions as to citizenship and so on in

themselves may not be very objectionable, but the consequential measures to be adopted are most objectionable, and, therefore, it is impossible for us to support this Bill without humiliating ourselves. (*Tepok*).

Mr Speaker, Sir, let us first look at the proposed amendment to Article 10 of the Constitution. It says:

"(4) In imposing restrictions in the interest of the security of the Federation or any part thereof or public order under clause (2) (a), Parliament may pass law prohibiting the questioning of any matter, right, status, position, privilege, sovereignty or prerogative established or protected by the provisions of Part III, Article 152, 153" and so on.

Is that going to help? Is that going to stop anything? What is the meaning of "questioning of any matter or privilege or right"? Does it mean challenging them? Does it mean that we cannot stand up and say, "Malays must not have special privileges"? Is that all that is intended to mean? If so, I say nothing is going to be solved. It must work both ways. Let us take the question of Malay privileges. Very well, you say we cannot question it. Is it then open to the Malays—and in this debate, Mr Speaker, Sir, we have to be very frank as this may be the last time that we can let you know what we feel about it (*Laughter*)—is it then open to the Malays, Mr Speaker, Sir, to stand up and say, "Oh! now we want 90% of all coffee shops, we want 99% of this, we want 75% of that"? Is it then open for them to agitate in that manner and create more and more ill-feeling among the non-Malays? Is it open to the Menteri Besar of Johore, to say, "Coffee shops must have 40% Malay employees? Will that not spark off racial animosity, racial ill-feeling? Is it open to anybody to assume more powers than His Majesty the Yang di-Pertuan Agong himself has got, because the Constitution does not even give His Majesty the right to say that the coffee shops must have 40% Malay employees. There is nothing in the Constitution which gives that right. The Constitution only gives the right in the case of trades which require licence to reserve a certain proportion of the licences, not to prescribe the number of employees in any coffee shop or in any business, because then it is open to us to get up and say, "You are interfering with the legitimate rights of the non-Malays to run their businesses as they will." Yet this is going on and if it goes on in the future, are

they going to be charged for sedition? Are we going to get that assurance here that they are going to be charged for sedition, or is this intended to apply only to one section of the community while the other section can mount a platform, get anywhere and talk what they like, inciting racial feelings?

Now, I say this is not sufficient, that this is going to gag one side, while the other side is going to carry on and carry on with their demagogue. This Article says, and according to what we have heard and indeed according to these proposed amendments themselves, it will be a criminal offence for a Member of Parliament to raise any of these questions in Parliament. Now, that brings us to the question of, "What is the meaning of 'entrenchment'?" "Entrenchment", according to what I understand it, means this: that the provision entrenched cannot be repealed or amended except with the support of two-thirds of the Members of this House and with the consent of the Rulers. Now, implicit in that is this: that the House can amend these. Now, how do you reconcile this? In the one case you say, "if you raise this matter in the House, you are committing a criminal offence" and the meaning of entrenchment is, it can be altered only with a two-thirds majority. Now, how can anybody move a motion if it is going to be criminal offence and how are you going to get two-thirds and the consent of the Rulers Conference if it is going to be an offence even to raise it inside the House? It is absolutely inconsistent and meaningless. Even an Honourable Minister cannot move a motion in this House that the Malay rights should be done away with, because first the criminal offence comes in. Therefore, I say that this legislation is without due thought of the consequences.

Now, the second method in which it is proposed to gag the public and Members of Parliament, is to make it a criminal offence to raise this matter in this House. Now, this is the most degrading step which any democracy in any part of the world can take. It is degrading to those who propose it and to those who are subject to it.

Surely, Mr Speaker, Sir, there are other ways if you have to have such restrictions on Members of Parliament. The first, of course, is the authority vested in you, Mr Speaker, Sir, but, as has been pointed out yesterday, somebody who is quick enough might slip

in something before you, Mr Speaker, Sir, could stop him. Then there is another way also because we could provide by Standing Rules and Orders that if such a matter is brought to the notice of Mr Speaker and Mr Speaker rules it out, then the Press is not to publish anything that has been ruled out of order by Mr Speaker. In that case it will not go outside the House. And we can even go further and provide for deletion of any point ruled out of order from *Hansard*. These are alternative measures which ought to be considered seriously and which have not been considered by the Government and to which indeed there can be no answer. All these leave us with a bad taste in the mouth, that is, that this Bill is introduced in this House to placate those who have resorted to violence, to make them feel that they have got something out of their murder and out of their arson. Now we have heard it often said, "Democracy, what is democracy, we must have Malaysian democracy, a democracy to suit Malaysia". How many kinds of democracy are we going to have in this world—African democracy, South American democracy, North American democracy, European democracy—and then we won't know what is the meaning of democracy. There is only one thing known as democracy, and to put it colloquially, rule according to the wishes of the majority. Now, after you have been elected, you cannot set yourself up as a dictator of democracy and say what democracy is good for you, and what is not good for you. What we are now having is a new crop of professors of democracy who are trying to teach us what is democracy as if democracy is something new. Democracy has been here for centuries and centuries. If you do not like democracy, say "no democracy, no Parliament, we rule as we like". Don't try to present a false front for foreign consumption.

Mr Speaker, Sir, ultimately the question will boil down to this: what are the ultimate aims and objects? This Bill by itself is not that important.

Why is this Bill necessary, where is it going to end? That is what is important. Is it designed as a first step towards gagging the democratic process in this country, is it the first step towards intolerance, the first step towards stifling any Oppositions? It is true you have reconvened Parliament. We swore two or three days ago that we are going to

defend the Constitution of this country, and today we are asked to tear it up. What has happened to the oath taken three days ago and what happened to the Constitution which we swore to defend? Within a week we are going to tear up vital parts of that Constitution.

Now, another provision, Mr Speaker, Sir, is to provide additional facilities for education for Malays. Nobody has during the past 13 years grudged anything that the Malays wanted. The Alliance Government had it good for the past 13 years, or 15 years, whatever it may be. Apart from one University or two Universities, have they taken the trouble to open up new institutions of learning for the Malays? Where are the universities which they could have put up for the past few years? Where are the educational institutions which could have been opened up for the Malays? Have we said "no" to anything? Have we objected? It was sheer laziness and neglect of duty on the part of the Alliance that we were found in a position where the Malays have not got enough place to go and study. And that blame now comes on to the non-Malays—you have taken our places of education, you must get out and we must put in our people.

Why blame the non-Malays? What was the Government doing for so many years? And was that one of the causes of rioting, that the Malays have not got enough place to go and study. It is fantastic to suggest that. If, indeed, that is the reason, then the responsibility for the riots goes on the Alliance Government for failing to provide adequate educational facilities. It does not go on the heads of the Opposition leaders, who had nothing to do with planning or building up the educational programme of this country. Now, Mr Speaker, Sir, we have not forgotten May the 13th and we are not likely to forget it, and the next generation is likely to remember May the 13th. But the important thing is that this Government, if it wants this country to survive as a democracy, must make it clear that the only way we can prevent a recurrence of May the 13th is to give a clear indication that if in the future anybody of any race starts this kind of trouble they will be rounded up on the first day of the trouble, locked up and deported. That is the only way you can prevent May the 13th. Not by pandering to them, not by making them feel you are frightened. And what is going to

happen? This sort of attitude, this sort of placating attitude will result in only one thing, if we are not careful. It will be interpreted as a success for terrorists and next time anybody wants something, anybody wants to suspend the Constitution, just load up a few lorries, send them into town and there goes democracy and the Constitution of the Federation of Malaysia.

Mr Speaker, Sir, I do not speak lightly or in light vein. It is with a sense of gravity and responsibility that I say that we cannot possibly vote in favour of this Bill.

Tuan Yang di-Pertua: Persidangan di-tempohkan sa-lama 15 minit.

Persidangan di-tempohkan pada pukul 4.10 petang.

Persidangan di-sambung sa-mula pada pukul 4.30 petang.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

Dato' Syed Nasir bin Ismail (Muar Dalam): Tuan Yang di-Pertua, saya juga merasa shukor ka-hadrat Subhanahu Wata'ala kerana telah dapat peluang dan kesempatan menduduki kerusi yang berbahagia ini dan sudah tentu-lah bagaimana Ahli² Yang Berhormat yang lain, suka hendak mengambil bahagian ini lebeh awal daripada ini ia-itu sa-kurang²-nya dua puluh bulan yang lalu, tetapi saya dan Ahli² Yang Berhormat yang lain tidak dapat berbuat demikian kerana ada-nya dharurat, kerana ada-nya Majlis Gerakan Negara atau N.O.C. Mengapa ada N.O.C.? Dan mengapa ada Majlis Gerakan Negara? Kerana ada-nya kejadian dan peristiwa burok pada 13 Mei, 1969. Mengapa berlaku-nya peristiwa pada 13 Mei, 1969 itu? Ini sudah jelas terbukti di-dalam laporan² yang di-keluarkan oleh Kerajaan bahawa satu daripada faktor² yang menjadikan hal ini, yang telah terchatet di-dalam sejarah tanah ayer kita ini, ia-lah ada-nya sifat dan kelakuan pehak sa-tengah daripada sa-tengah parti Pembangkang di-dalam pilihanraya yang lalu. Ini satu hakikat yang tidak dapat di-nafikan walau pun Ahli Yang Berhormat dari Menglembu telah menyatakan dan chuba hendak meletakkan kesalahan itu kepada orang lain, tetapi hakikat ini akan terus terchatet di-dalam sejarah dan di-kenang buat sa-lama²-nya oleh ra'ayat negeri ni.

Pada masa Ahli Yang Berhormat dari Menglembu membuka perbahathan-nya tadi, Ahli Yang Berhormat itu telah menyebut Pemerintahan Dictatorship. Saya sungguh kesal, perkataan dictatorship itu di-tujukan kepada pemerintahan Majlis Gerakan Negara dalam membahathkan Rang Undang² di-hadapan Dewan ini. Dengan pemerintahan dictatorship sudah tentu puchok pemerentahan-nya itu ia-lah sa-orang dictator. Dictator yang mana dalam dunia ini, kalau dapat Ahli Yang Berhormat dari Menglembu menyebutkan sa-orang sahaja nama dictator yang sudah memegang kuasa kemudian dengan mudah-nya menyerahkan pula kuasanya saperti yang berlaku sekarang ini sahingga membolehkan Ahli Yang Berhormat itu sendiri berchakap dengan bebas-nya dalam Dewan ini. Mana-kah sa-orang dictator di-dalam dunia ini, dalam alam sa-jagat ini yang hendak berbuat demikian? Oleh itu adakah boleh di-katakan Pengarah N.O.C. itu sa-orang dictator? Menyebut tentang kekachauan 13 Mei itu amat-lah mendukachitakan bila Ahli Yang Berhormat itu bertanya jika kita hendak mendapat pengajaran daripada "rioters, thugs, rapists" dan sa-bagai-nya; tetapi chuba tanya bagaimana pula timbul-nya hal ini. Kalau kita tanya balek, sudah tentu berpuncha kepada uchapan² yang di-lapazkan di-dalam pilihanraya dan juga kelakuan² yang di-lakukan sa-telah keputusan pilihanraya di-umumkan, ia-itu bagaimana chara sa-suatu parti itu merayakan kejayaan-nya.

Dan Ahli Yang Berhormat itu juga mengatakan mengapa pada pilihanraya tahun 1969 itu sahaja berlaku kekachauan, mengapa pada pilihanraya tahun 1964 tidak berlaku, pilihanraya 1959 tidak berlaku juga. Ahli Yang Berhormat itu nampak-nya bingung tentang hal ini. Mengapa perkara ini tidak berlaku pada kedua² pilihanraya itu? Saya suka menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat itu, Dato' Yang di-Pertua, ia-itu manusia ini mempunyai perasaan, mempunyai perasaan kaseh dan benchi, marah suka dan duka dan sa-bagai-nya. Dan satu² kemarahan, sa-suatu kesukaan itu tidak dengan tiba² begitu sahaja datang-nya, tetapi terbit sa-telah melalui satu proses yang berlaku di-dalam badan dan jiwa manusia itu sendiri sa-bagai reaksi daripada kejadian luar.

Pada tahun 1959 perasaan ra'ayat baharu di-bakar sedikit. Pilihanraya tahun 1964 di-bakar lagi, di-tambah lagi ubat² letupan, ubat explosive, tetapi tahun 1969, apabila

terlalu besar timbunan letupan, terlalu banyak ubat letupan-nya atau explosive dan di-bakar pula oleh banyak lagi orang maka explosive itu meletus. Jadi, tidak-lah hairan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa di-dalam pilihanraya tahun 1959/1964, walau pun issue-nya sama bagaimana yang di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Menglembu itu akan tetapi kegiatan membakar emosi tidak sa-bagitu hebat, dan dalam tahun 1959 umpama-nya tidak ada parti² saperti parti Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka, D.A.P. umpama-nya, yang mengambil bahagian di-dalam tahun 1959 dan 1964. Jadi kurang orang yang membakar letupan ini dalam tahun 1959, 1964 dan belum chukup banyak letupan-nya maka tidak-lah timbul soal ini. Jadi, bukan di-sebabkan kurang-nya undi Parti Perikatan atau chalun yang menang dari pehak Perikatan, bagaimana yang di-da'awa oleh pehak Ahli Yang Berhormat dari Menglembu tadi itu. Yang sa-benar-nya, Tuan Yang di-Pertua, itu-lah hakikat yang sa-benar-nya yang telah dapat kita saksikan dalam negeri ini berhubong dengan kejadian burok 13 Mei. Dan Ahli Yang Berhormat itu juga, saya hairan, saya sunggoh kesal, telah berkata Undang² ini, Rang Undang² ini kira-nya di-luluskan, ia-lah untuk bagaimana kata-nya, "to gag on one side while the other side is not gagged".

Rang Undang² ini kira-nya di-luluskan, Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja mengena pehak Ahli Yang Berhormat dari Menglembu atau pehak Pembangkang sahaja, akan tetapi kena juga kapada saya dan segala Ahli Yang Berhormat yang dudok di-sabelah sini. Jadi, tuduhan ini ada-lah mengelirukan pehak orang² yang mendengar-nya. Dan kata-nya lagi kalau-lah kita luluskan Bil ini, kita melakukan, mengikut chakap-nya, "tearing off the constitution".

Dato' Yang di-Pertua, sa-tahu saya kita tidak berchadang hendak mengoyakkan Perlembagaan yang kita pandang mulia, yang kita junjong, yang kita pertahankan, hatta dengan jiwa kita sa-kali pun, kita pertahankan. Apa yang kita lakukan sekarang ia-lah hendak memperelokkan sa-suatu yang ada kekurangan di-dalam-nya, sa-suatu yang kita dapati kelemahan di-dalam-nya. Ini yang chuba di-usahakan oleh pehak Kerajaan. Kita bukan hendak mengoyakkan-nya, tetapi apa yang kita telah lakukan tiga hari yang lalu, di-waktu kita mengangkat sumpah, ia-lah mempertahankan Perlembagaan, Perlembagaan yang ada sekarang, dan Perlembagaan

kira-nya di-luluskan Rang Undang² ini, yang akan menerima pindaan.

Bagitu juga pehak Ahli Yang Berhormat dari Menglembu mengatakan ia-itu kita chuba, pehak Kerajaan chuba hendak mengambil hak orang² lain; tetapi Ahli Yang Berhormat dari Menglembu tentu faham, Dato' Yang di-Pertua, bahawa walau pun dalam Perkara 153 ada menyebutkan pere-zapan quota mengenai perkhidmatan, permit dan sa-bagai-nya untuk orang² Melayu, tetapi kalau di-bacha sa-terus-nya Perkara itu akan di-dapati tidak sa-mata² untuk memperlindongi, atau memberi galakan atau keistimewaan kapada orang Melayu sahaja, tetapi juga memberi jaminan memperlindongi hak² yang di-katakan legitimate rights orang² yang bukan Melayu atau yang bukan bumiputera.

Perkara 153 ada menyebutkan, dalam Fasal 9 umpama-nya, "tiada apa² jua dalam perkara ini boleh memberi kuasa kapada Parlimen menyekat perniagaan atau trade sa-mata² bagi maksud pere-zapan untuk orang Melayu". Ini jelas walau pun pehak Kerajaan hendak menguntokkan, atau yang di-sebut di-sini pehak Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menguntokkan satu quota kapada orang Melayu, tetapi Fasal 9 ini menjamin tidak akan merosakkan atau menyentoh hak orang bukan Melayu.

Bagitu juga apa yang tersebut di-dalam Article 136, Tuan Yang di-Pertua, yang berbunyi "ia-itu terta'alok kapada sharat² pekerjaan mereka semua orang daripada apa² kaum juga pun dalam perengkat yang sama dalam perkhidmatan Persekutuan hendak-lah di-beri layanan yang sama, sama rata." Jadi, saya hairan bagaimana pehak Ahli Yang Berhormat itu boleh menyebut perkara yang tidak benar dan hanya menyebutkan sa-bahagian sahaja daripada article² di-dalam Perlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang² yang kita perbahathkan sekarang ini ada-lah satu perkara yang paling penting dan sangat penting sa-kali dalam sejarah Malaysia ini. Atas nasib undang² ini-lah bergantung kelak nasib Malaysia di-belakang hari. Rang Undang² ini memberi kita peluang untuk menentukan apa-kah nasib Malaysia. Apa-kah nasib semua kaum di-Malaysia ini, dan apa-kah nasib kita, nasib anak chuchu kita dan nasib anak chuchu mereka yang berabad² kemudian.

Rang Undang² ini memberi kita peluang menentukan antara dua jalan. Kalau kita tolak dia, kita semua akan menghadapi masa hadapan yang tidak berketentuan dan akan timbul dua kemungkinan, ia-itu kemungkinan pertama meneruskan perasaan anti antara satu kaum dengan satu kaum yang lain yang di-nyalakan oleh pehak² ahli² politik yang tidak bertanggung-jawab, dan kemungkinan yang kedua, berlaku-nya perpechahan perpaduan kebangsaan dan kerosakan kepentingan negara akibat daripada provokasi² yang di-jalankan dari sa-masa ka-samasa oleh pehak² Ahli² Yang Berhormat yang tidak bertanggung-jawab.

Rang Undang² ini kalau kita terima dia, kita akan berpeluang sama² membentok satu nasib baharu, membentok satu masyarakat baharu yang akan dapat menghapuskan segala perselisihan kaum, menghapuskan perbezaan ekonomi antara satu kaum dengan satu kaum lain yang akan merapatkan ra'ayat jelata antara satu kaum dengan satu kaum yang lain dan yang akan membolehkan kita membena dan mencapai perpaduan bangsa. Kalau kita terima Rang Undang² ini, Tuan Yang di-Pertua, kita akan mengambil langkah pertama ka-arrah matlamat² yang saya katakan itu. Perjalanan yang akan kita ambil dari langkah yang pertama ini akan mengambil masa yang lama mungkin juga tidak akan selesai melainkan sa-telah berjalan satu kurun, atau satu jenerasi, akan tetapi kita akan dapat mengorak satu langkah yang positif untuk mencapai satu nasib bangsa yang bersatupadu yang hidup dalam aman dan damai dan menikmati kema'amoran bersama.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya kalau-lah parti² politik dan badan² bukan politik yang tertentu dalam masa yang sudah² ini pandai mengawal perasaan, pandai menghargai perasaan orang lain dan juga pandai menghormati hak² orang lain, dan juga pandai mengawal perasaan mereka daripada menggunakan soal² sensitive, maka saya percaya pindaan² yang di-chadangkan di-dalam Rang Undang² (Pindaan) Perlembagaan ini tidak perlu di-adakan oleh pehak Kerajaan. Kalau-lah kita tidak mempunyai sa-buah masyarakat berbilang bangsa, berbilang keturunan, berbilang bahasa, berbilang ugama, maka pindaan² ini harus tidak perlu langsung. Akan tetapi ini-lah kenyataan²—realiti² yang kita hadapi di-zaman kita ini. Ini-lah realiti yang istimewa bagi tanah ayer kita yang di-chinta² ini. Dan ini-lah realiti² yang kita mesti sama² hadapi dengan jujur,

dengan ikhlas, dengan tegas, dengan penoh azam dan dengan penoh keberanian. Kita sekarang sedang membuka satu lembaran sejarah baharu, kita sedang mengorak langkah ka-arrah membena sa-buah masyarakat yang baharu di-dalam mana ra'ayat dari berbilang kaum tidak lagi akan berfikir dari segi iktikad perkauman-nya dalam mana kegiatan² ekonomi tidak lagi akan bersifat perkauman, dalam mana kebudayaan bangsa mengambil sifat yang benar² Malaysia yang terjalin dari unsor² perpaduan kebudayaan kaum dalam mana tiap² ra'ayat Malaysia bangga dengan keperibadian Malaysia ini. Ini-lah matlamat utama kita. Ini-lah ideal kemasyarakatan kita dan ini-lah chita² kebangsaan kita bagi masyarakat baharu yang hendak kita bena di-Malaysia ini bersama². Kita mesti membena sa-mula, menyusun sa-mula masyarakat kita, kita mesti bergerak maju dengan semangat yang baharu dengan pedoman yang baharu. Maka apa-kah pedoman yang lebih penting bagi sa-suatu bangsa itu untuk mencapai chita² kebangsaan-nya sa-lain daripada apa yang terkandung di-dalam Perlembagaan negara-nya. Akan tetapi chita² manusia berubah² dari masa ka-masa menurut kehendak zaman dan kehendak alam sa-keliling-nya. Bagitu-lah juga Perlembagaan sa-suatu negara itu mengalami perubahan kerana sa-suatu Perlembagaan ada-lah chermin dari hasrat dan chita² serta harapan² sa-suatu bangsa.

Tuan Yang di-Pertua, Perlembagaan yang ada sekarang ini berasal dari chita² ra'ayat hendak mencapai kemerdekaan dari belenggu penjajahan dan dari masa ka-masa ada juga menghadapi pindaan untuk disesuaikan dengan keadaan zaman sa-belum dan sa-sudah wujud-nya Malaysia. Akan tetapi Peristiwa 13 haribulan Mei telah membuktikan kepada kita akan kelemahan² yang terkandung di-dalam Perlembagaan kita itu, maka ini-lah sebab-nya pindaan² yang terpaksa di-adakan supaya Peristiwa 13 haribulan Mei tidak akan berlaku lagi dan tidak akan menakutkan Ahli Yang Berhormat dari Menglembu dan supaya kita dapat panduan baharu bagi mencapai chita² kebangsaan kita.

Kita mesti memilih antara dua jalan, Dato' Yang di-Pertua, sama ada kita mahu hidup di-dalam hura-hara atau pun hidup dalam aman dan damai. Sa-bagai Wakil² Ra'ayat, pada kita-lah terletak-nya nasib bangsa dan negara kita di-belakang hari. Bagi sa'at ini sikap yang harus kita ambil walau apa jua parti dan politik kita, atau

idiologi politik kita hanya-lah satu, ia-itu berjuang tetap dan tegas untuk perpaduan dan kehidupan yang lebih baik bagi semua kaum di-tanah ayer yang kita chintai ini. Dan saya berseru, Dato' Yang di-Pertua, kepada semua Ahli² Yang Berhormat terutama dari parti² Pembangkang supaya kita dengan ikhlas dan jujur berjuang untuk Kesejahteraan ra'ayat, berjuang untuk kebahagiaan ra'ayat, tetapi jangan sa-kali² ra'ayat di-perjuangkan.

Oleh sebab ada satu dua parti politik telah memperjuangkan ra'ayat di-dalam kempen pilihan raya-nya, maka telah meletus kejadian yang burok yang tidak dikehendaki oleh sa-siapa jua. Maka ini-lah saya harap, Dato' Yang di-Pertua, Ahli² Yang Berhormat kita akan sedar dan insaf akan tanggung-jawab kita semua terhadap ra'ayat dan dapat kita lakukan dengan sifat yang jujur dan ikhlas.

Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka bila menentang Rang Undang² ini semalam dengan nada yang kuat dan tegas telah menchadangkan supaya sa-buah Surohanjaya Parlimen yang terdiri dari semua parti di-tubuhkan untuk mengkaji tauladan² yang terbit dari Peristiwa 13 Mei dan juga mengkaji pemerentahan Mageran dan menchari jalan² untuk perpaduan negara.

Dato' Yang di-Pertua, izinkan saya membaca sa-bahagian daripada ucapan-nya itu. "We have therefore decided" kata Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka:

"We have therefore decided, with a heavy sense of responsibility, to oppose the Constitution (Amendment) Bill. In the interest of national unity of Malaysia, we propose, Mr Speaker, Sir, that this Constitution (Amendment) Bill be sent to an all-party Parliamentary Commission which should be set up to learn the lessons of May 13 racial riots and the 21 months of N.O.C. rule, and point the solutions to a united, multi-racial, just and equal Malaysia.

Such a Parliamentary Commission, which should include non-M.P. Malaysians eminent in their respective fields, should receive evidence and representations from interested Malaysians and Malaysian organisations . . ." dan saterus-nya, Dato' Yang di-Pertua, saya sungguh merasa hairan di-ketika ini Ahli Yang Berhormat itu menyuarakan suara ini. Saya rasa Ahli Yang Berhormat itu telah ketinggalan masa, ia telah ketinggalan masa

bukan kerana kelalaian Kerajaan, tetapi kerana sikap parti-nya sendiri, sikap bongkak-nya yang tidak mahu bekerjasama dengan Kerajaan untuk menghadapi soal² yang di-katakan semalam itu.

Kita semua ma'alum bahawa Majlis Perundangan Negara telah di-tubuhkan khusus untuk membincangkan soal² yang terbit akibat peristiwa 13 Mei termasuk-lah perkara² yang di-chadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dan di-sini-lah Kerajaan telah memberi peluang untuk Ahli Yang Berhormat untuk mengambil bahagian berdialog dengan pihak Kerajaan, mengadakan forum dengan pihak Kerajaan menchurahkan hasrat dan hati di-dalam Majlis yang sa-umpama itu yang juga di-hadiri dan diwakili oleh pihak² yang di-katakan non-political party dan daripada orang² yang ahli di-dalam lapangan masing².

Parti-nya telah di-undang untuk turut serta dalam Majlis itu. Tetapi telah menunjokkan sikap parti-nya tidak patriotik kepada negara dengan menolak undangan Kerajaan itu. (*Tepok*). Segala apa yang dimaksudkan dalam Rang Undang² ini ada-lah hasil dari perundingan yang telah di-buat dalam Majlis Perundangan Negara itu yang ahli²-nya terdiri dari sa-genap lapisan masyarakat dan juga parti² politik dalam negeri ini. Maka siapa-kah yang hendak di-salahkan, melainkan parti-nya sendiri, kalau hasil dalam perundingan itu tidak memuaskan parti-nya. Apa-kah guna-nya mengadakan sa-buah Surohanjaya yang tugas-nya nanti tidak ubah dari apa yang telah di-tugaskan kepada Majlis Perundangan Negara atau N.C.C. itu kalau-lah chadangan itu di-terima, dan saya yakin memang chadangan itu akan di-humbankan oleh Dewan ini, sa-bagai satu helah membuang masa sahaja. Apa-kah chadangan² yang akan lebih menasabah untuk menjamin keselamatan negara, untuk menjamin perpaduan negara, untuk menjamin keharmonian kaum, untuk menjamin persaan dan muhibbah antara kaum dan untuk menjamin supaya Peristiwa 13hb Mei tidak berlaku lagi. Apa-kah chadangan² yang boleh di-buat oleh Surohanjaya yang di-chadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka itu.

Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri telah menegaskan bahawa kalau Rang Undang² ini tidak di-luluskan sekarang, Pemerentahan Dharurat akan di-teruskan dan

demokrasi berparlimen tidak akan dipulehkah dan kenyataan tegas dan ikhlas yang di-berikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu telah di-kesalkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Menglembu konon-nya sa-bagai ugutan. Apa perlu-nya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengugut perkara ini, kerana sudah tentu perkara ini boleh di-jalankan-nya kira-nya ia berkehendakan. Tetapi ini ada-lah merupakan satu nasihat daripada pehak Kerajaan supaya mana² pehak parti Pembangkang yang ingin bermain lagi di-dalam permainan yang merbahaya, seperti yang telah di-lakukan-nya sa-belum di-adakan atau dalam kempen pilihan raya tahun 1969 itu, dapat beringat dalam hal ini. Ada-kah Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka rela terus hidup di-dalam keadaan dharurat? Ada-kah Ahli Yang Berhormat itu rela suara-nya dan suara parti-nya tidak akan kedengaran di-dalam Dewan ini dan juga di-luar Dewan sementara Surohanjaya chadangan-nya itu membuang masa mengkaji masaalah² yang sudah pun di-kaji dengan teliti dan panjang lebar oleh Majlis Perundangan Negara itu?

Ahli Yang Berhormat itu mengatakan bahawa kita sudah hampir sampai ka-tingkat dalam mana racialism di-anggap sa-bagai mulia dan keritik terhadap racialism sa-bagai jenayah, mengikut kenyataan-nya pada hari semalam. Ada-kah beliau hendak menunjukkan bahawa parti-nya sendiri tidak bersalah dalam hal ini?

Masa-nya sudah luput sekarang untuk salah menyalahkan orang lain. Peristiwa 13 Mei telah meletus, banyak nyawa dan harta-benda telah terkorban dan kita tidak mahu, tidak mahu lagi dan Parti Perikatan tidak mahu hal ini berlaku lagi. Masa-nya sudah tiba sekarang bagi kita semua bersatu hati menchari kata sa-pakat tentang bagaimana kita harus membena sa-buah masyarakat Malaysia yang baharu, mengadakan langkah² yang akan menjamin ketenteraman negara, keamanan antara kaum, muhibbah antara kaum, kerjasama yang rapat antara kaum, membentok ekonomi yang hasil-nya akan dapat di-nikmati bersama oleh semua kaum, oleh semua lapangan masyarakat, semua ra'ayat dan warganegara Malaysia dari semua kaum bukan sahaja daripada orang² bukan Melayu dapat hidup mewah dan ma'amor, supaya kita akan di-pandang oleh dunia sa-bagai sa-buah masyarakat yang

dinamik, yang bersatu-pada dan progresif. Dan Ahli² Yang Berhormat ada-lah daripada orang² yang bertanggung-jawab.

Saya tidak menafikan, Dato' Yang di-Pertua, yang Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka itu ikhlas tentang hendak meninggikan taraf hidup ra'ayat yang miskin di-negara kita ini, tetapi yang saya berasa kesal dan hampa yang beliau telah menggunakan masa-nya dalam Dewan ini hanya untuk menyalahkan orang lain, ini ma'af saya menggunakan sa-patah perkataan Inggeris, Dato' Yang di-Pertua, "to hoodwink" kesalahan-nya sendiri supaya orang lain yang di-sangkakan salah. Taktik "hoodwinking" ini, Dato' Yang di-Pertua, sedia di-ketahui oleh Ahli² Yang Berhormat yang lain. Begitu juga, saya berasa kesal dan hampa mendengar beliau mempersoalkan Bahasa Kebangsaan. Beliau hanya mengata-kan bahawa parti-nya menerima tanpa sharat, tentang bahasa Melayu sa-bagai Bahasa Kebangsaan. Saya rasa ketinggalan beliau menyebut Bahasa Kebangsaan sa-bagai bahasa rasmi negara, ini ada-lah satu perkara yang mengandongi arti yang tertentu.

Dato' Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu tidak sa-kali pun menyentuh atau menyebut Bahasa Kebangsaan sa-bagai bahasa rasmi, kerana Bahasa Kebangsaan dengan bahasa rasmi ada-lah berlainan tugas-nya. Dato' Yang di-Pertua, Bahasa Kebangsaan ia-lah bahasa kesatuan politik, bahasa kemasyarakatan dan bahasa kebudayaan sa-bagaimana yang di-ta'rifkan oleh pehak UNESCO dan bahasa rasmi pula Dato' Yang di-Pertua, izinkan saya membacha ta'arif yang di-berikan oleh monograph UNESCO No. 8 ia-itu tentang apa yang di-katakan bahasa rasmi: "Official language is a language used in the business of Government, legislative, executive and judicial." Ini berlainan dengan Bahasa Kebangsaan yang peranan-nya sa-bagai bahasa "common language", bahasa yang di-jadikan bahasa kebudayaan.

Jadi Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka yang dengan mudah-nya meninggalkan bahasa rasmi, peranan bahasa rasmi, pada hal dalam pindaan Rang Undang² ini dengan tegas memberikan apa yang di-katakan bahasa rasmi itu supaya tidak lagi dapat di-permain²kan, tidak lagi dapat mana² pehak mengatakan bahasa sa-suatu itu bukan rasmi.

Dato' Yang di-Pertua, saya maseh ingat bagaimana pehak Perbandaran (Municipality) Ipoh memainkan hal ini konon-nya apa² bidang yang di-lakukan oleh Perbandaran Ipoh itu tidak termasuk di-dalam arti kata rasmi. Jadi untok mengelakkan kekeliruan, maka Kerajaan hari ini dengan ikhlas hendak menerangkan sa-suatu, menjelaskan sa-suatu supaya tidak lagi berlaku pertelingkahan di-antara kita sama kita. Ini-lah hasrat Rang Undang² yang sedang di-bahathkan di-dalam Dewan ini. Saya suka juga, Dato' Yang di-Pertua, mengulas sedikit tentang ucapan Ahli Yang Berhormat dari Miri-Subis (Sarawak) yang di-ucapkan-nya pada hari semalam. Beliau menyesalkan tentang langkah hendak membataskan keistimewaan Ahli² Parlimen dalam Dewan ini. Rang Undang² tersebut ada-lah berkait dengan keseluruhan maksud yang terkandung dalam Rang Undang² yang kita perbahathkan hari ini, dia tidak dapat di-pisahkan dari yang lain dengan tidak merosakkan maksud utama Rang Undang² ini ia-itu hendak membataskan perbinchangan tentang soal² yang sensitif.

Ahli Yang Berhormat itu sedia maalom bahawa Kerajaan telah pun menubuhkan sebuah badan yang di-namakan Majlis Perpaduan Negara bagi menggantikan Majlis Perundangan Negara dan Majlis Muhibbah Negara yang khusus akan mengendalikan masaalah² yang berkait dengan soal² yang sensitif. Barangkali pehak Kabinet akan dapat memberikan penjelasan yang lebih lanjut dalam hal ini.

Dato' Yang di-Pertua, saya sendiri tidak suka di-kongkong. Memang pantang saya di-kongkong untok berchakap sa-lama²-nya. Saya sendiri tidak suka kebebasan saya bersuara di-sekat dalam Dewan ini terutamanya, akan tetapi, Dato' Yang di-Pertua, dalam soal kepentingan negara dan dalam soal mencapai perpaduan bangsa dan demi kesejahteraan seluruh ra'ayat Malaysia, Dato' Yang di-Pertua, saya lebih mementingkan kepentingan negara daripada kepentingan diri saya sendiri. Dan saya harap Ahli Yang Berhormat dari Minglembu, Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka, Ahli Yang Berhormat dari Miri-Subis (Sarawak), harap tidak mengutamakan kepentingan diri-nya daripada kepentingan negara dan perpaduan ra'ayat.

Ada gulongan yang tertentu di-dalam negeri kita ini yang bersumpah sa-bagai

seteru Malaysia yang hendak membinasakan segala apa yang telah kita bina bagi kebajikan bangsa dan negara kita, sejak kita mencapai kemerdekaan ini dan gulongan itu maseh ada sama ada di-dalam perchamporan dan pergaulan kita hari², atau ada di-dalam hutan. Kenangkan-lah apa yang mereka ini akan buat kalau kita tidak sedia dengan langkah² yang akan mematahkan maksud buruk, maksud jahat mereka itu. Langkah² ini-lah yang terkandung di-dalam pindaan² Perlembagaan yang kita bahathkan hari ini.

Negara kita sekarang di-dalam keadaan bahaya, dalam bahaya memecah-belahkan masharakat kita, bahkan menjahanamkan negara kita, kalau kita tidak meluluskan Rang Undang² (Pindaan) Perlembagaan ini. Kalau begitu, Dato' Yang di-Pertua, saya menyeru kepada semua pehak Ahli² Yang Berhormat supaya mari-lah kita buktikan patriotism kita dengan meluluskan pindaan² ini. Terima kaseh (*Tepok*).

Tuan Yeoh Teck Chye (Bukit Bintang): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, the present debate is a milestone in the history of the Malaysian nation and in the interrupted history of this House. There can be no doubt that the restoration of Parliamentary democracy is being welcomed, but with mixed feelings. Despite uncertainties here and there the democratic system has finally triumphed over the autocratic, bureaucratic system of the National Operations Council. We in the Gerakan Ra'ayat Malaysia appreciate the need of making Constitutional amendments in the interest of the peace and solidarity of the Malaysian nation. The Government has introduced many Constitutional amendments in the past, and two of my colleagues in this House—the Honourable Members for Tanjong and Batu—have had occasions to oppose them vigorously. The present proposal differs in that attempts have been made, before the Bill was drafted, to consult a cross-section of opinion in the National Consultative Council. Delegates of the Opposition parties—except the D.A.P., which decided to be absent—were given the opportunity to discuss, within closed doors, very frankly and freely. In the past, Constitutional amendments were arbitrarily framed by a minority in the Alliance Party and bulldozed through the House within a matter of hours.

In discussing this issue of vital national importance, it is important to bear in mind

that we, the Members of Parliament who are assembled in this House, are the elected representatives of the people. As elected representatives, it is our duty to reflect the views of our electorate. However, in order to do so, the Members of Parliament must be free from the restrictions imposed by their party. In this connection, Mr Speaker, Sir, I would call upon the leaders of the Alliance Party and all the other parties to withdraw the "Whip" so that we can hear the true voice of the people in this House on this very vital, important issue. As for my party, I am now withdrawing the "Whip" and Gerakan Members of Parliament can enjoy the freedom to speak on this Bill. Unless this is done only partisan views will be heard in this House but not the true voice of the people.

Mr Speaker, Sir, I have said that the people are relieved and happy with the return of democracy. But I have also to point out that they are still very worried and uncertain of their future. The people are still anxious because they do not know for sure whether the proposed restriction will be enforced impartially and justly. The people will restrain themselves for the sake of peace and harmony. But they will not tolerate discrimination in the implementation of it. We warn the Government that after the passage of this Bill, it will be on trial and the judge and jury of this trial will be the people. The record of the Government has given the people every reason to watch the passage of this Bill with anxiety. The Government has time and again discriminated during the process of implementation against ordinary members of the public and in favour of friends and allies of the party in power.

For us in the trade union movement, Mr Speaker, Sir, the anxiety is not without foundation as we have been victims of Government's breaches of faith. The Government has consistently favoured its friends, the employers, by enacting harsh labour laws soon after Independence. It was in 1959 that the Trade Union Ordinance was enacted, which gave the Registrar of Trade Unions arbitrary, dictatorial powers over the trade unions. The trade unions were assured that this was only a temporary measure because of the Emergency and that it would be repealed soon after the Emergency. The first Emergency ended in 1960, and yet this legislation is still on the Statute Book. This is a clear breach of the trust placed by the workers in the Government. To make matters

worse, several amendments were made which resulted in the Registrar's possession of greater powers to divide and rule over the trade unions. Again, during confrontation, Mr Speaker, Sir, the Government needed badly the support of organised labour, so that when it promulgated the Essential Regulations of 1965, it promised that these laws would be lifted as soon as confrontation was over. The confrontation ended. These Regulations became the 1967 Industrial Relations Act which restricted the workers of this country to a very great extent. Here, again, is a classic example of another breach of faith committed by the Government.

Mr Speaker, Sir, yesterday the Honourable Prime Minister assured the House that from now onwards the Government will not only be just in the implementation but will be seen to be just. This assurance from the new leadership of the Government is very encouraging. Let us hope that from now onwards there will be no more breaches of faith by the Government and that the Government will enforce the restrictions proposed in the Bill impartially and so put an end to the people's anxieties and fears. Thank you.

Menteri Buroh (Tan Sri V. Manickavasagam): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I speak in support of the Bill for the simple reason that I think it is necessary.

The events of May 1969 and the weeks prior to that are too fresh in our minds to doubt the necessity of sheltering the basic concepts and consensus of our nationhood from wild and irresponsible exploitation to no end other than sheer political opportunism. This is exactly what the Bill before us seeks to do—to deny to these opportunists and those who cannot resist the temptation to see this nation flounder, to fuel and stir up ill-will and communal disturbances. By doing this, the Bill will also entrench and give prominence for action by Parliament and the people the essential ingredients of our nation's formula for survival and progress.

I am even more convinced, Sir, of the necessity of this Bill after having listened to some of the speeches made on the floor during the debate on the Bill. With the passage of the amendments contained in this Bill, no longer will it be possible for persons, including Members of Parliament, to use the privilege of this august body to question the

rights and guarantee embodied in our Constitution; or suggest harsh action such as deprivation of citizenship, deportation and so on on anyone who happens to differ. These amendments will also, for all time, isolate to the nation those elements who, professing to support Bahasa Malaysia, still try to win votes by pushing multi-lingualism. Equally, the amendments should call a halt to the voices in this House and elsewhere that complain that public funds are being spent on Chinese or Tamil education.

Sir, quite obviously, and perhaps, rather unfortunately, the Bill will also deny to men of goodwill and good sense the opportunity to freely and constructively discuss the provisions of those sacred Articles of our Constitution which, as I said, constitute the Merdeka concept of our multi-racial society. But the Election campaign and subsequent disturbances in 1969 clearly show that in the effort to win votes, the voice of reason has extreme difficulty in rising above the malicious oratory and whispers of racial extremism. In our multi-racial nation, nationalism, transcending communal feelings, is still a tender plant requiring full protection from the blights of emotion, mistrust and insecurity. Quite clearly, there are elements in our midst who will not hesitate to seize half the chance to exploit and inflame these feelings; and also quite clearly once these feelings are aroused, it is difficult to avoid lasting damage to our society, institutions and economy and our good name. We have already gone through that once, and we should attempt to avoid it while we still have the opportunity to do so.

The entrenchment of these sensitive issues and their removal from the realm of free discussion is most certainly a matter of grave consequence. I for one would be unhappy to see them so entrenched that no discussion of them is ever possible in however charitable and constructive an atmosphere. But it is here that the Bill, as now presented to this House, provides the safety valves. As I see it, these safety valves are:

Firstly; what is excluded from questioning and criticism is the basis of the key provisions of our Constitution which may be termed "sensitive". These relate to the special position of the Malays, the acknowledged and legitimate rights and interests of the other communities, citizenship, the National Language and the sovereignty of the Rulers. The right and duty of the

elected representatives of Parliament, and, indeed, every citizen to hold under scrutiny, question, comment or criticism the manner of implementation of these provisions of the Constitution are carefully safeguarded. I hope, Sir, that the Honourable Member for Bukit Bintang is satisfied with this.

Secondly, the Government has provided through the setting up of the National Unity Council, the forum where periodic discussions of many of these matters of national concern can take place. The discussions in this Council will be very useful to forge ahead with the building of goodwill and understanding among the people of various races.

Sir, these are very important safeguards and arrangements. It is in the implementation of the relevant provisions of the Constitution that the promise and spirit of the national consensus will be seen to operate. And, it is here that we assure all Malaysians of the actual protection of the positions, rights and interests referred to in the Constitution—through the laws that are enacted, the policies adopted and the programmes put forward. It is in respect of these that Parliament and our citizens can be watchdogs for peace, goodwill and understanding in our own time for generations yet to come. I can assure the Honourable Member for Bukit Bintang that he will have this opportunity.

It is important that the basic principles of these clauses in the Constitution be accepted without challenge, as they form the *moving spirit* behind the concept of the Malaysian nation. In pushing for implementation of these principles and scrutinising the implementation in practice, we have to understand just what is behind these principles. The basic consideration in formulating these principles is that this country is a *multi-racial* country, a country which immigrant people from a number of parts of Asia, in co-operation, collaboration and harmony with the Malays and other indigenous people, helped to develop. History now records the fullness of the contribution that these people made, and are still making, towards the evolution of Malaysian nationhood. We saw people of Chinese origin, of Indian origin, Indonesians ranged alongside with the Malays, in lighting the sparks of political nationalism and, at considerable risk to themselves, spearhead the movement towards eventual

independence. We have seen the very constructive commitment that they had towards the concept of a nation in which there was a place for all, irrespective of origin or class. We have also felt the stresses and strains that are inevitable in a multi-racial context, where in many fields the races had not been given or could not find equal opportunities. Hence, the Constitutional provision which gives certain special privileges to the Malays.

The shape of the final consensus, Sir, that was worked out, necessarily reflect these feelings of unanimous commitment towards one nationality and the same commitment towards making nationhood mean equal opportunities and prospects for all. Hence the provisions in our Constitution relating to *one* citizenship and *one* language and the balancing clauses relating to the promotion of the economic status of the Malays and other indigenous people. This balance is further buttressed by the protective guarantees for the legitimate interests of the non-Malays.

Sir, Malaysia is quite unique in this context. It is about the only country we can think of where multi-racialism is a visible and viable concept; (*Tepok*) where the population is almost equally divided between Malays and non-Malays, where the immigrants were not merely the workers in colonial economic enterprises but active participants in politics, the professions, the trades, commercial enterprises, traditional agriculture, social organisations and, Sir, if I may add also trade union organisations.

The intricate compromises and accommodation that went into the formula for political independence clearly recognised this situation. That formula was based, not on counting of heads and apportionment of rights and privileges on this head count, but on the acceptance that all communities, indigenous and others, large and small, had a stake in this nation. It was based on the notion that no one community can seek to monopolise the fruits of nationhood and development, or isolate itself from the dynamics of national growth. To enable this integration and to ensure common participation in the sharing of benefits, rights and interests were protected, where such rights existed, and opportunities and help offered, where such help was necessary. Otherwise, independence would have been of little meaning to some and a source of apprehension to others.

Sir, we had really thought that this concept of one nation from a multi-racial base and equal opportunity through additional help for the disadvantaged was making headway and gaining wider and wider acceptance in the years after independence. But apparently there came into our midst forces which saw this concept as offering them no chance for leadership. They in turn offered their brand of political oratory and ideology which questioned our national concept. We now know that these elements were the cause of chaos, confusion and distrust. In the wake of this storm, the independence concept and the delicate compromises made and held together by goodwill and understanding became fair game for political opportunists and adventurers. It is to prevent such opportunism and adventurism that this Bill is presented before this House.

Sir, with the passage of this Bill, Malaysians of all racial origins can look with full confidence to advancement in all fields of national endeavours—political, social, economic, cultural, etc.

Sir, the Honourable Member for Bukit Bintang mentioned about trade unions. I would not like to go into a debate with him at the moment on this subject. We will have a lot of time to debate trade unions and other matters when we debate the King's Speech, but I can assure him, Sir, that Government is a friend of all, whether it is employers or workers—not only organised workers; the Government looks to the unorganised, the farmers, the peasants and also the employers and the trade unionists and my friend from Bukit Bintang too. (*Tepok*).

Tuan V. David (Dato Kramat): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, and Honourable Members of this House, after 22 months of ordeal, anxiety and political uncertainty we have gathered in this Hall to decide the destiny of our nation which has been divided by racial discord and most explosive communal strife. We have today gathered under the same roof with the sole object that Parliament must function effectively and continue to remain as the symbol of democracy. However, we are happy that Parliament has resumed in the midst of rumours and various forms of speculations. For 22 months Parliament was staggered, tampered, choked and its legitimate functions were suspended—the very concept of democracy fell prostrate on the ground.

For more than 22 months political instability clouded the skies of Malaysia. We are glad that Parliamentary rule has finally become a reality though we are still in doubt and yet to understand the type of Parliamentary democracy we will be enjoying.

Mr Speaker, Sir, a new era of understanding and unity among the people of Malaysia will have to begin. For this era, we who believe in the concept of democracy, hold the highest hope. The hopes of democracy have not been fulfilled. The democratic way of life has not been made strong—it has become weaker. The spirit of Constitutional government has flickered like a dying lamp for the last 22 months. During the 22 months of arbitrary rule the light from that lamp has disappeared upon the entire nation. We have watched darkness fall upon our motherland. And as we watched there approached an important time for us—the renewed hope of Parliamentary democracy. We fully contribute to the ideal that Parliament should serve as the supreme body and its decisions shall be the final in determining the destiny of this nation.

Parliament has on many occasions amended the Constitution—at times in a most haphazard manner without having the time to examine the serious effect that it will have on the nation. These proposed amendments to the Constitution will have far reaching effects in shaping our national character and determining the type of society that is desired by those who hold the reins of power.

We have to draw clear distinction in our minds: firstly, on the proposed amendments as it stands; secondly, on the method of implementation. Let us examine the credentials of the Government and we can observe that in the past the Government had failed to implement and administer the laws justly and fairly. A strong suspicion and fear looms in the minds of all citizens whether the Government will rise itself above party politics when implementing the various laws. The implementation of any law in a country is vital because it has a direct effect on the life of the ordinary people. Past experience cannot justify that the Government has been impartial in the implementation of the various legislations for which it has sought the support of this House. The implementation of the amendments is vital because the Government's motive in amending the Constitution has not placed itself above suspicion.

The motive and intention, however, is under strong suspicion. The Government has a record which, if examined, would reveal that it had at most times abused its powers in dealing with political opponents and critics of the Government. The Constitution was hastily amended at least on the following instances. To win a political battle in favour of the Alliance in Sarawak, the Constitution was amended. Secondly, to eliminate Singapore from Malaysia, the Constitution was amended, which was politically motivated.

Mr Speaker, Sir, the Sedition Act was enacted by the NOC rule and the explanation by the Government was that it was to prevent racial expressions which will inflict injury on any one community. Let us ask ourselves whether the Government was able to implement this law above political considerations. The answer is, "No." I am prepared to quote examples. The recent UMNO Delegates' Conference created an explosive racial climate where members were permitted to question the citizenship rights of a prominent trade unionist because he was critical over the labour policy of the Government. At this juncture let me pose a question to the law-makers—whether the Government acted strictly within the powers under the law. Secondly, the MCA had a meeting sponsored and participated by some of the Ministers to consolidate Chinese unity. Again, racial expressions were the overtones. Will this be allowed in the case of Opposition parties? I am sure the Ministers in the Government will be able to answer this question.

Sir, the Chairman of our Party, the Gerakan, Professor Dr Syed Hussein Alatas has called upon the Government to introduce a Motion to this House condemning the May disturbances. We are not concerned who were responsible, directly or indirectly. Whoever they may be, they should be deplored and condemned. The Gerakan strongly condemns the May 13 incidents.

We are fully convinced that the Government is not sincere to the people. It has proved to be unfair and unjust. Social justice and civil liberties are the pre-requisites of democracy and if this is denied then it will ruin the very democratic institution which we are desirous of building.

Mr Speaker, Sir, we must categorically state in no uncertain terms that we fear the form of implementation the Government

have in mind, and we doubt whether we will be extended justice as we are being considered as critics of the Government and its policies. The people outside this House fear, as we do, because they are not certain that these laws will be implemented justly and fairly.

Mr Speaker, Sir, during the 22 months of N.O.C. rule the working class have been the victims of social injustices. The workers have been pushed from pillar to pillar and post to post. The workers who have contributed in large measure towards nation building and economic construction have been severely victimised on the advice of inexperienced economic planners who have failed to realise that in the absence of a contented working class industrial peace and progress will be an illusion. Laws have been enacted that are one-sided and have destroyed the democratic system of trade unionism. The labour laws are contrary to the Prime Minister's assurance to bridge the gap between the "haves" and "have-nots". Steps taken by the Government are a clear indication to weaken the strength of workers unity. Divide-and-rule policy has been the guidance of the Government to split the trade unions into bits and pieces. The Government have violated all fundamental principles that are laid by the Human Rights Charter and the I.L.O. Convention. The legitimate rights of trade unions have been struck a severe blow.

Mr Speaker, Sir, I must draw the attention of the Honourable Minister of Labour that if anyone wants to learn race relationship, he need not fly abroad to learn it. He can learn it from the trade unions. The trade unions are the classic example for racial unity and racial harmony in this country. Mr Speaker, Sir, there is no need for these amendments to labour laws as the May disturbances had nothing to do with the trade union movement of this country.

Mr Speaker, Sir, I have with me at table of seating arrangements of the Dewan Ra'ayat which was, of course, given to me where the members especially of the Government have been identified not as Alliance but as UMNO, M.C.A. and M.I.C. members. This racial distinction is also an indication of the Government's desire to maintain racial politics. Are we to believe that the Government is no more an Alliance Government, or have the three communal parties withdrawn from the Alliance? Are we to make reference in future to UNMO members,

M.C.A. members and M.I.C. members. If this is so, we would be pleased to hear from the Government.

Tuan Yang di-Pertua: I can assure the Honourable Member that the seating accommodation in this House has nothing to do with politics at all.

Tuan V. David: Thank you, Sir. Further, I must draw the attention of this House that acting within the spirit of the proposed amendments, the three communal political organisations, UNMO, M.C.A. and M.I.C., have no right to continue their existence. If they do exist, then the very purpose and intention of the amendments will be defeated. The Prime Minister in his lengthy deliberation has advocated the desire on the Government to build racial harmony and to build a multi-racial society. We fully support his view, but we are yet to understand how a multi-racial society can develop when the Government itself is desirous to continue with racial politics. The three political parties referred as UMNO, M.C.A. and M.I.C. are communal organisations aspiring to protect racial interest. Therefore, Mr Speaker, Sir, if the Government's implementation policy is going to be just and fair, then the three communal organisations should cease to exist the moment the proposed amendments to the Constitution are adopted in this House. The continued existence of these political organisations would only mean that, on one side, while the Government is preaching integration, on the other side, it is firmly committed to racial politics.

Mr Speaker, Sir, let me caution and warn the Government that any abuse of the powers by those who hold the reins of power would not contribute to a united Malaysian nation. We respect the Constitution and we will act within the Constitution but when the Government violates the Constitution we will not hesitate to expose and oppose. The views of the people shall prevail and any abuse of power by exploiting the poor ignorant by those who are in power will not create a just and prosperous society. Threats and intimidation by those who are in power will only end in disaster, but those who are in power should examine your heart, your conscience, your courage, and your sense of justice. Mr Speaker, Sir, we are here to seek and to construct a society based on social justice, economic equality with political freedom. To

bridge the gap between the "haves" and the "have-nots" we have to work towards a socialist society based on the type of socialism that is most desired and suited to a multi-racial society of Malaysia. Thank you, Sir.

Tuan Haji Shafie bin Abdullah (Baling): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul yang di-bawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Usul atau Rang Undang² ini di-buat untuk menjamin keselamatan dan kema'moran Malaysia atas akar umbi demokrasi yang kami fikirkan layak dan sesuai dengan udara Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya sangat² terharu kerana usul pindaan kapada Akta Perlembagaan ini mendapat sokongan yang baik dari pihak rakan² saya daripada Parti Islam Sa-Tanah Melayu. Saya perchaya sokongan yang di-beri oleh mereka itu kerana keperchayaan mereka terhadap segala usaha² Kerajaan hari ini semata² untuk kebaikan dan keharmonian negara seluruh-nya, juga di-harap di-masa² hadapan Parti Islam Sa-Tanah Melayu tetap akan terus menyokong Kerajaan dalam serbaserbi langkah yang memberi menafaat dan kebaikan kapada ra'ayat itu harapan ra'ayat seluruh-nya, juga mungkin banyak daripada Ahli² sa-belah pihak sana sa-lain daripada rakan² kita daripada Parti Islam Sa-Tanah Melayu akan memberi sokongan tanpa mengira ikatan mereka kapada dasar Parti mereka kerana soal keselamatan, soal Rukunegara, soal pengalaman atas apa yang berlaku kapada kita pada 13 Mei yang lalu mengatasi segala²-nya. Pindaan ini sudah sewajar-nya mendapat sokongan daripada seluruh ra'ayat yang benar² menchintai kapada harmoni, hidup bersama dalam Malaysia ini.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya tidak mengerti sama sekali semua tuduhan dengan kata² yang tidak beralasan daripada sa-orang Anggota Dewan ini disabelah sana semalam yang mengungkit² apa yang berlaku pada 13 Mei yang lalu. Beliau telah menyebut tentang laporan dalam akhbar asing, tentang penganiayaan yang dilakukan oleh Kerajaan, kata beliau, beliau juga sa-olah² bersetuju dengan fikiran, atau tuduhan dari akhbar² luar negeri bahawa sa-tengah² manusia di-dalam negara ini dianiayai oleh pemerintahan sekarang ini. Jelas

sa-kali beliau tidak sedar bahawa beliau sekarang ini berada di-dalam sa-buah negara yang benar² mengamalkan demokrasi dan berpemerintahan sa-chara berparlimen.

Segala kejadian, segala perbuatan, segala tragedy dan segala kesedaran di-dalam masa yang lampau, ini-lah yang membuat, yang mendorong Kerajaan kita di-atas kemahuan ra'ayat dalam negara ini, yang chintakan perpaduan dan keinsafan, mendesak supaya pindaan yang tertentu di-buat di-dalam Perlembagaan dalam negara ini. Memang, dan sudah tentu sa-tengah² akhbar luar negeri yang tidak langsung mempelajari, atau mengetahui geography, latar-belakang sejarah, kesenian dan kebudayaan, bangsa dan negara kita, dapat menulis sa-wenang²-nya dengan memberi gambaran yang burok keadaan² dalam negara kita. Di-dalam dunia yang berbelah-bagi, dengan berbagai² ideoloji dan blok, masing² negara besar hendak menanggok di-ayer yang keroh dan chuba hendak menjadikan negara² yang kecil sa-bagai umpan boneka dan permainan.

Malaysia tidak terlepas daripada segala ini. Kita tidak peduli apa orang kata kapada kita, tetapi kalau niat kita baik, tujuan kita untuk keselamatan, tujuan untuk kesejahteraan ra'ayat kita; apa kita peduli orang kata kapada kita. Mungkin agen² yang anti-dasar Kerajaan Malaysia hari ini di-beri gambaran burok atau palsu, untuk memburok²kan Kerajaan hari ini. Siapa yang memberi gambaran² kapada mereka? Jawab-nya tidak lain dan tidak bukan ia-lah, ada-lah orang² dalam negara ini juga yang memberi gambaran yang burok itu kapada mereka. Di-negara² yang lain, yang lebih besar, yang lebih maju daripada negara kita, bermacam² kejadian yang lebih kejam, yang lebih dashat berlaku. Penghidupan ra'ayat tidak langsung terjamin, tetapi kerana negara kita telah-pau memberi kebebasan berchakap dan bersuara dan bertindak, maka ini-lah sebab-nya ada ra'ayat yang tidak segan² membuat tegoran, membuat tegoran yang pahit kapada pemerintahan yang di-katakan menekankan sa-suatu puak.

Saya berseru mereka² ini patut belajar sedarkan diri tentang kebebasan yang ada kapada diri mereka, diri kaum mereka dan segala²-nya pada hari ini.

Sa-malam ada sahabat² kita berchakap tentang hak sa-bagai ra'ayat dalam negara ini, konon-nya sa-olah² sa-lama ini Kerajaan kita sengaja membelakangkan dan membenamkan hak² sa-suatu golongan dan puak serta meninggikan atau memberi keistimewaan kepada suatu golongan atau puak yang tertentu. Soal hak kalau di-bangkit²kan akan menchetuskan keburokan akhir-nya. Apa pula kalau kita yang menyoal hari ini, ia-itu tanggong-jawab mereka yang selalu menuntut hak ini, menuntut hak itu. Chemburu kepada hak² yang sadikit yang di-beri kepada suatu kaum itu. Apa-kah tanggong-jawab mereka ini sa-lama ini? Sa-belum menuntut hak², chuba tunjukkan dahulu bagaimana mereka sa-benar²-nya bertanggong-jawab kepada bangsa dan negara ini? Ada-kah tanggong-jawab mereka itu sa-mata² hendak mengungkit, hendak membesar²kan hal sensitif yang boleh menjadikan mereka itu hero di-atas pentas atau di-dalam Dewan ini sa-mata².

Ada suara² yang mengatakan bahawa perbuatan pemimpin² Kerajaan kita pada hari ini telah mendapat sindiran dan gelak-ketawa atau ejek²an daripada negara² Komanwel. Saya ingin bertanya di-dalam Dewan ini, negara Komanwel yang mana satu? Sa-tahu kami di-antara negara² Komanwel, maka Malaysia ada-lah satu² negara yang di-segani dan di-malu² oleh rakan sa-jawat Komanwel kerana Kerajaan kita di-masa² yang lalu tidak ragu² menjalankan apa sahaja yang baik, yang menguntungkan dan yang mengharumkan Komanwel. Tudohan yang melulu ini, sa-bagaimana yang di-buat oleh wakil D.A.P. sa-malam, ada-lah sudah basi agak-nya, di-buat dengan tidak ada pertimbangan, sama sa-nada sa-bagaimana yang di-buat di-dalam kempen² pilihanraya yang lalu. Ada sahabat kita di-saberang sana yang menyentoh hak² istimewa orang² Melayu dalam Perlembagaan, mengatakan, dengan ada-nya hak² istimewa itu bukan hendak menolong, membimbing orang Melayu yang tertekan supaya maju, tetapi ia-lah untuk membuka jalan dan telah memberi peluang kepada orang² kaya Melayu menjadi lebih kaya, dan yang miskin lebih miskin, barangkali, sahabat² saya itu tidak mendalam dalam pendapat ini serta patut-kah hak² istimewa itu di-beri dengan tidak ada perhitungan kepada orang² yang hendak mempergunakan hak istimewa itu, berkebolehan atau tidak. Akan menjadi sia² sahaja sa-kira-nya peluang hak² istimewa di-salah bahagi dan ini-lah sa-benar-nya maksud pehak yang tertentu ia-itu jika hak istimewa

itu di-beri dengan tidak ada perhitungan, maka kerugian itu akan menimpa ka-atas orang Melayu sendiri dan yang untong-nya ia-lah tidak lain dan tidak bukan orang² yang bukan Melayu juga.

Orang² yang bukan Melayu tidak patut sa-kali² menaruh perasaan chemburu terhadap hak² istimewa yang di-chatetkan dalam Perlembagaan itu bahkan patut sangat menambahkan lagi masa, atau melanjutkan masa supaya kelak orang² Melayu di-masa hadapan ini dapat berdiri sama gagah, sama kaya, sama pandai dengan orang² bukan Melayu dalam negara ini. Siapa sahaja yang berchakap atas hak² istimewa, atau menegor tentang hak² istimewa orang Melayu itu adalah sa-umpama anti-perpaduan dan di-anggapkan sa-bagai anasir yang chuba hendak menjahanamkan Perlembagaan Malaysia dan tidak ada mempunyai semangat Malaysian yang tulin. Jangan hendak-nya ada di-antara ra'ayat Malaysia hari ini orang yang berchakap, bertindak sumbang daripada kemahuan negara. Saya tidak mengerti mengapa tubohan itu di-buat ia-itu pindaan di-dalam Perlembagaan ini kalau di-luluskan akan menjadi tekanan dan ugutan² terhadap Parti² Pembangkang. Pindaan yang di-buat ini ada-lah meliputi ka-atas semua ra'ayat dalam negara ini. Kalau ra'ayat berpegang kepada Rukunegara, apa yang hendak di-khuatirkan? Apa yang hendak di-takutkan? Kapada mereka yang berniat burok, kapada mereka yang ada mempunyai tujuan² yang bersembunyi sahaja-lah maka pindaan ini menggerunkan mereka. Sa-benar-nya segala pindaan² ini di-buat untuk membendong, untuk menjadikan seluruh ra'ayat lebih men-chintai negara ini.

Dato' Yang di-Pertua, saya sangat² hairan di-atas fikiran sahabat saya Anggota dari Miri-Subis yang mengatakan langkah yang menyekat Ahli Dewan menyentoh perkara² sensitif itu sa-bagai langkah mundur. Beliau berkata hal ini tidak pernah berlaku di-dalam negara² lain yang mengamalkan demokrasi berparlimen dalam komanwel. Sa-benar-nya Kerajaan tidak langsung berhasrat untuk menyekat beliau berchakap di-atas apa soal yang boleh memberikan kebajikan kepada ra'ayat. Apa yang di-sekat oleh Kerajaan ia-lah kalau beliau ingin membangkitkan soal² sensitif, yang boleh melaga²kan ra'ayat, yang boleh menimbulkan kekacauan. Hasil-nya menjahanamkan perpaduan negara. Untuk pengetahuan beliau, maka Pindaan ini adalah satu jalan keluar dan juga satu formula

untuk mencapai perpaduan dan keamanan. Lain-lah kalau anggota itu tidak chinta kepada keamanan dan perpaduan dalam negara Malaysia ini.

Dato' Yang di-Pertua, tidak ada sa-buah negara dalam dunia ini kechuali Malaysia yang begitu murah hati memberi taraf kera'ayatan kepada orang asing sa-luas²-nya di-masa yang lalu dan ada negara² dalam dunia ini yang sangat chemburu dan menutup rapat pintu pemberian kera'ayatan.

Malang-nya sikap Kerajaan Malaysia kita ini tidak di-hargai oleh mereka yang mengechap nikmat di-atas bumi Malaysia. Mereka mahu segala²-nya, walau pun dengan sa-chara tidak langsung merampas hak² asasi ra'ayat dan bumiputera negara ini. Apa yang kita buat hari ini, bukan sa-mata² untuk kepentingan masa ini, tetapi ia-lah untuk kesempurnaan masa depan. Anak² kita keturunan kita yang akan datang, yang akan terus-menerus menekmati ini. Kalau-lah perlindungan hak² istimewa itu tidak di-chipta hari ini, dapat-lah keselamatan bumiputera pulohan yang akan datang ini terjamin? Mana² negara pun, hatta kuasa² besar di-dalam dunia ini mempunyai Undang² mahu memperindungi hak² ra'ayat-nya. Inikan pula negara kechil sa-bagai Malaysia ini. Kalau tidak ada peratoran, atau pun sekatan² begitu tentu-lah mudah di-landa dengan hura-hara dan mala-petaka. Saya kata Undang² Pindaan di-hadapan kita ini adalah satu langkah yang bijak sa-kali pernah di-buat dalam sejarah Parlimen negara kita untuk menentukan nasib masa hadapan Malaysia. Saya menyokong Rang Undang² (Pindaan) Perlembagaan ini, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Mohamed Asri bin Haji Muda (Kota Bharu Hulu): Tuan Yang di-Pertua, saya sukachita dapat peluang pada petang ini bagi menyampaikan sedikit sa-banyak pendapat saya berkenaan dengan Akta (Pindaan) Perlembagaan yang ada di-hadapan kita pada hari ini.

Sudah 21 bulan lebih parliamentary democracy di-Malaysia ini telah di-peti icekan dan baharu-lah beberapa hari ini chuba hendak di-chairkan kembali. Sa-lama masa 21 bulan ini negara kita hidup di-bawah satu bentuk pemerintahan dengan apa yang di-namakan pemerintahan di-bawah Majlis Gerakan Negara. Hari ini kita telah di-hadapkan kepada satu kenyataan, kita telah

di-hadapkan kepada satu *fait accompli* tentang mahu atau tidak mahu kembali kepada kehidupan parliamentary democracy sa-mula. Kita telah di-hadapkan kepada suatu jalan bantu, mahu-kah kita balek sa-mula kepada parliamentary democracy, atau pun kita terpaksa hidup dalam sa-buah pemerintahan sa-chara Mageran dan sa-bagai alat yang menjadi batu penguji yang di-gunakan oleh Kerajaan sekarang ini ia-lah Rang Undang² ini. Kalau kita semua ingin kembali kepada parliamentary democracy, sokong dan terima-lah Akta bagi Meminda Perlembagaan Persekutuan ini dan kalau tidak ingin kembali kepada parliamentary democracy teresah-lah.

Kadang² kita telah di-hanyutkan oleh chara berfikir. Kembali kepada parliamentary democracy, Perikatan memerintah dan kita sa-bagai Parti Pembangkang akan dapat bebas berchakap, menegor, di-mana kesilapan dan memberikan fikiran untuk pembangunan kepada Kerajaan yang memerintah. Lebih-nya parliamentary democracy itu ia-lah dari sudut itu, dari sudut ada-nya kebebasan berchakap, kebebasan tiap² Ahli Dewan yang di-pilih oleh ra'ayat ini menyuarakan apa yang terkandung di-dalam fikiran untuk kebaikan negara ini.

Kembali kepada zaman Mageran, hakikat-nya Perikatan juga yang memerintah, akan tetapi kurang-nya peluang² untuk menyampaikan fikiran, tegoran, atau sa-bagai-nya. Tidak dapat di-lakukan, kechuali, mungkin, sedikit sa-banyak dapat di-suarakan di-dalam Majlis Perundingan Negara, itu pun dalam hal² yang tertentu sahaja tidak menyentuh dalam semua hal. Kalau-lah *fait accompli* di-hadapkan kepada kita sa-demikian rupa, sa-kali fikir, kembali kepada parliamentary democracy itu-lah yang sa-baik²-nya dan memang sejak daripada dahulu lagi pun kita telah menempoh beberapa kali pilihan raya dan akhir-nya pilihan raya yang terakhir pada 10hb Mei, 1969, ia-lah dengan suatu niat, dengan suatu tujuan hendak kembali kepada kehidupan demokrasi berparlimen. Kalau itu-lah yang menjadi niat kita, maka yang menjadi pilihan kita pun ia-lah kembali kepada kehidupan demokrasi berparlimen. Tetapi soal-nya kita siang² lagi telah di-hadapkan kepada suatu kenyataan. Saya tidak mahu meminjam kalimah² yang di-pakai oleh sahabat² dari golongan Pembangkang yang lain sa-bagai tekanan, ugutan atau sa-bagai-nya, sebab saya kira kalimah²

itu bagi diri saya tidak begitu sesuai, tetapi boleh-lah saya katakan dengan suatu perkataan meletakkan kita dalam keadaan serba salah.

Terpaksa bagi sa-tengah² kita ini tidak dapat berfikir chara objective dan kerana penilaian kita dalam pemikiran untuk kembali kepada parliamentary democracy ini di-buntukan oleh alternative mahu balek atau tidak. Sokong Pindaan Perlembagaan boleh balek kepada parliamentary democracy, membangkang atau pun menyebabkan Pindaan Perlembagaan ini tidak lulus—gostan balek ka-belakang kepada Mageran—kapada Majlis Gerakan Negara.

Ini-lah yang saya pandang sa-bagai suatu sikap yang sedikit kurang manis. Saya rasa perlu menyebutkan ini sa-bagai mukaddimah daripada apa isi hati saya yang akan disampaikan dalam Majlis ini. Itu pun perkataan kurang manis itu ia-lah sa-lembut² kalimah yang dapat di-pilih, sebab mungkin ada kalimah lain lagi yang dapat di-gunakan bagi mengambil alih tempat perkataan kurang manis. Kalau-lah sa-kira-nya Dewan Ra'ayat pada hari ini tidak di-hadapkan kepada kita dengan suatu alternative seperti ini, barangkali akal dan fikiran kita akan dapat menumpukan kepada pemikiran yang objective dan tidak terlalu subjective. Baiklah, Tuan Yang di-Pertua, kita masok-lah kepada persoalan Akta (Pindaan) Perlembagaan Persekutuan.

Oleh pehak Kerajaan ada berbagai² alasan yang di-kemukakan sa-waktu membentangkan Akta bagi Meminda Perlembagaan Persekutuan ini. Suatu daripada alasan-nya ia-lah supaya 13 Mei yang kedua atau saterus-nya, tidak akan berlaku lagi. Lahir-nya Akta bagi Meminda Perlembagaan Persekutuan ini ia-lah merupakan suatu usaha, atau ikhtiar supaya kejadian burok 13 Mei yang berlaku pada tahun 1969 itu tidak berulang lagi. Tentu-lah tidak semua orang akan dapat menerima hujjah seperti ini. Akan bertanyalah sa-tengah² orang kepada kita betul-kah ini sa-bagai ubat yang mujarrab. Betul-kah Akta bagi Meminda Perlembagaan Persekutuan ini sa-bagai ubat yang mujarrab. Doktor², Tuan Yang di-Pertua, bila dia hendak mengubat orang sakit, lebeh² kalau sakit itu sakit ganjil tidak chepat dia menchari ubat, melainkan doktor yang harga murah sahaja yang chepat jamah nadi terus keluarkan Aspro. Tetapi bagi doktor² yang specialist, dia terpaksa menyelidek penyakit

ganjil ini penyakit apa nama-nya, atau kalau tidak ada nama penyakit-nya di-selideki terus-menerus kenapa penyakit ini boleh jadi, dari puncha mana, dari kuman jenis apa.

Saya rasa ubat yang bernama Akta bagi Meminda Perlembagaan Persekutuan ini suatu ubat yang di-banchoh sa-chara tergesa². Maseh banyak lagi bahan² yang penting yang terlupa, atau sengaja di-lupakan untuk di-banchoh menjadi ubat. Mungkin juga mereka terlupa atau tidak tahu oleh kerana kajian tentang penyakit itu tidak benar² mendalam. Ada orang berkata peristiwa 13 Mei berlaku kerana kempen² pilehanraya, kerana Parti² Pembangkang beruchap dengan sewenang²-nya. Kalau Parti Pembangkang China beruchap untuk kepentingan orang² China lebeh dari sa-patut-nya, kalau Parti Pembangkang Melayu seperti PAS ini beruchap untuk orang² Melayu terlalu lebeh sangat, maka bertarong-lah antara dua yang lebeh. Oleh kerana kedua²-nya lebeh, maka tidak-lah dapat isi mengisi, maka langsung pechah, berlaku-lah 13 mei. Kalau ini-lah yang menjadi alasan arti-nya tentu-lah penyakit dari dua parti Pembangkang yang ka-China dan ka-Melayuan ini-lah yang bertempur. Sebab chakap itu keluar antara kedua pehak, begitu-lah mengikut tuduhan. Kalau kita membacha buku 13 Mei yang di-karang oleh bekas Perdana Menteri Malaysia, jelas kelihatan bahawa hasil dari kajian beliau ia-lah kerana kerja² masa kempen pilehanraya terlalu tidak betul—sewenang²-nya.

Di-dalam buku 13 Mei yang di-terbitkan oleh Mageran dan orang yang bertanggungjawab-nya ia-lah Perdana Menteri sekarang tidak begitu jelas walau pun ada juga dzahir beneh² tuduhan seperti itu. Ini-lah, Tuan Yang di-Pertua, soal-nya kalau kita menyiasat penyakit dari kulit luar jawapan seperti itu-lah. Kalau kita menyiasat penyakit bisol dari bisol yang keluar, kita sangka bisol itu bisol, barang kali Menteri Kesihatan tahu-lah tentang penyakit bisol. Kalau dia tidak tahu, dia kena belajar sedikit.

Kadang² orang, untuk mengubat bisol, dia belah—bisol, pechah, berdarah, sakit. Ada orang² kampung mengubat bisol dengan jalan menaruhkan daun² kayu di-sakeliling-nya supaya bisol itu surut dan kechut, kering, hilang. Tetapi ada sa-jenis bisol, bisol yang merupakan tanda alamat dari penyakit lain. Ubat-lah bisol itu bagaimana sa-kali pun penyakit-nya yang asal tidak akan habis. Mithal-nya penyakit kanser, kadang² akibat

daripada kanser dalam itu ada jenis-nya keluar bisol, pechah, di-belakang, di-sini atau di-mana² sahaja. Kalau kita mengubat penyakit kanser seperti kita mengubat penyakit bisol hilang bengkak di-situ sa-bulan lagi, bengkak di-tempat lain pula, dia keluar.

Jadi, kalau-lah chara begitu kita mengubat, banyak lagi 13 Mei boleh berlaku, tidak satu 13 Mei. Pada hal kalau ingin kita mengkaji lebeh jauh sampai kepada pokok pangkal-nya neschaya kita akan mendapati jawapan² yang lengkap, jawapan² yang tepat; kenapa peristiwa 13 Mei boleh berlaku. Apakah peristiwa 13 Mei itu merupakan sakit kepala oleh kerana hujan yang datang sebentar tadi, atau pun beneh² penyakit yang di-tinggalkan oleh keturunan yang terdahulu dari-nya, atau dengan chakap yang chara terang lagi beneh² penyakit yang sengaja di-tinggalkan oleh penjajah dahulu kepada kita. Chara lembaga hidup yang wujud dalam negara ini, chara Perlembagaan, kemerdekaan yang kita terima, chara tolak-ansor yang kita terima mungkin kasemua-nya ini merupakan beneh² yang boleh menyebabkan timbol-nya peristiwa² besar seperti 13 Mei.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun ada menyebutkan kata-nya; di-tengah² kita ada jenerasi baharu yang tidak mengerti, yang tidak faham, atau kalimah yang lebeh rendah sedikit "yang bodoh" tentang tolak-ansor yang telah di-chapai oleh angkatan tua dahulu sa-waktu hendak menchapai kemerdekaan. Walau pun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyebut ini sa-bagai suatu hujjah betapa mustahak-nya Akta ini di-terima oleh kita. Tetapi dengan terang membayangkan kepada kita bahawa tolak-ansor untuk kemerdekaan itu merupakan satu fakta yang tidak boleh di-anggap sepi atau tidak boleh di-ketepikan begitu sahaja.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kalau hakikat ini yang dapat kita ambilkan sa-bagai asas pemikiran kita, maka pada faham saya Akta bagi meminda Perlembagaan Persekutuan ini bukan-lah benar² merupakan ubat yang mujarrab untuk menghilangkan atau supaya tidak lagi berlaku-nya peristiwa 13 Mei.

Oleh sa-tengah² kalangan menganggap sa-olah² Akta bagi meminda Perlembagaan Persekutuan ini sa-bagai manipulasi dari kegagalan dasar Perikatan untuk mewujudkan keharmonian antara kaum dalam negara Malaysia yang berdaulat lagi merdeka ini.

Atau dengan kalimah yang lain Rang Undang² ini akan dapat di-jadikan sa-bagai topeng oleh Kerajaan Perikatan bagi melindungi kelemahan² dasar-nya dan perlaksanaan-nya untuk mewujudkan masyarakat yang harmonis antara kaum dalam negara ini.

Sebab keharmonian antara kaum, perpaduan masyarakat ada-lah merupakan satu thema yang paling laris di-gunakan oleh Perikatan di-mana sahaja ada pilihan raya. Sebab memang-lah, Tuan Yang di-Pertua, tidak kita menyalahkan mereka menggunakan thema ini, sebab thema itu ia-lah thema kita bersama. Siapa sahaja yang berfikiran waras, ingin mewujudkan keharmonian hidup antara kaum dalam negara kita ini, sebab masyarakat Malaysia, Tuan Yang di-Pertua, tak usah kita berbohong kepada diri kita sendiri. Masyarakat Malaysia ia-lah masyarakat perkauman. Ini fact yang tidak boleh kita ketepikan sama sekali. Kalau ada sa-orang pemimpin yang mengatakan sekarang ini Malaysia tidak lagi merupakan masyarakat perkauman, semua kaum telah bersatu-padu, sa-ia sa-kata, sa-iring sa-jalan, maka pemimpin itu menipu pada diri-nya sendiri, menipu orang ramai dan menipu diri-nya sendiri. Malaysia ia-lah sa-buah masyarakat perkauman. Menyelesaikan masalah masyarakat perkauman seperti ini mesti dengan chara perkauman. Barangkali ganjil bunyi cerita-nya, sebab ada doktor yang mengubat sakit demam panas dengan ubat sejok, sakit sembelit dengan ubat cherah, cheroh perut. Kalau berak cherah, ubat-nya ubat sembelit. Tetapi ada juga kaedah doktor dengan chara lain yang perubatan-nya mengikut kaedah yang sama yang juga di-akuī oleh dunia perubatan. Kalau panas sakit-nya, panas-lah jenis ubat-nya. Kalau sejok sakit-nya, sejok-lah pula jenis ubat-nya, kalau sembelit penyakit-nya sembelit pula jenis ubat-nya. Ganjil bunyi-nya tetapi di-dalam proses perubatan seperti ini lebeh mujarrab daripada perubatan sembelit di-beri ubat cherah perut. Sebab biasa-nya kalau terlebeh makan ubat cherah perut, dia berubah daripada penyakit sembelit menjadi penyakit buang² ayer. Kalau penyakit buang² ayer, terlebeh makan ubat sembelit dia berubah menjadi penyakit sembelit. (*Ketawa*).

Menteri Kesihatan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu Hulu ini

berhadapan dengan saya. Apabila dia berchakap, dia tengok saya, dia senyum fasal doktor. Jadi saya hendak tumpang bertanya untuk memberi penjelasan kepada Ahli Yang Berhormat ini tentu-lah kelulusan di-Kota Bharu atau pun di-Kelantan. Jadi kalau tak ada, saya tak boleh pakai nasehat dia itu (*Ketawa*).

Dato' Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, tidak-lah nasehat ini di-tujukan kepada Menteri Kesihatan. Sebab penyakit yang di-hadapi dengan ubat yang bernama Akta bagi Meminda Perlembagaan Persekutuan ini ia-lah penyakit negara. Tentu-lah Menteri Kesihatan tak berupaya sa-orang diri untuk mengubat penyakit ini (*Ketawa*).

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kalau demikian-lah dudok-nya, apa salah-nya kalau kita sama² memikirkan bagi mengatasi persoalan perkauman dalam negara kita ini. Barangkali ini yang lebeh menasabah dan sesuai. Kita telah menyaksikan suatu gejala yang hidup di-tengah² masyarakat perkauman kita, ia-itu makin lama kita merdeka, makin berchambah perasaan chemburu antara satu sama lain. Ini yang dapat kita saksikan sekarang. Pada masa mula² kita merdeka dahulu perasaan chemburu itu tidak begitu menonjol, tetapi akhir-nya makin tebal, bukan sahaja sa-takat 13 Mei, tetapi sampai hari ini makin berchambah perasaan atau sifat chemburu antara kaum itu. Ini pun salah satu daripada jenis penyakit di-antara penyakit² yang banyak, atau pun salah satu daripada cabang² penyakit negara yang besar. Dimana-kah letak-nya puncha² kechemburuan antara kaum ini, sama ada di-bidang politik, atau di-bidang kemasyarakatan negara? Jangan kira di-bidang kampong, chemburu di-kampong senang sahaja. "Ah, dia itu China, kenapa-lah dia dapat tanah sa-keping, kita orang Melayu tak dapat tanah sa-keping." Ada pula orang Melayu yang dapat tanah, orang China pula terasa. Itu soal kechil.

Tuan Yang di-Pertua: Tak usah pandang dia, pandang saya sa-masa berchakap (*Ketawa*).

Dato' Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, puncha lahir-nya bertambah kechemburuan antara kaum ini, atau salah satu daripada puncha-nya, saya terpaksa menggunakan kalimah salah satu.

Tak boleh-kah berpaling sadikit, Tuan Yang di-Pertua, supaya sedap bergerak, terasa tak sedap sahaja.

Salah satu daripada puncha-nya ia-lah salah-nya dasar Kerajaan Perikatan sendiri. Marah-lah orang Perikatan kepada saya. Apa-lah di-sangkutan pula salah-nya kepada Perikatan.

Ini, Tuan Yang di-Pertua, saya berchakap ini dari suara orang Melayu, Tuan Yang di-Pertua, sadikit perkauman bunyi-nya, tetapi oleh kerana kita hendak memecahkan masalah perkauman ini, mesti masuk di-dalam bidang perkauman, terpaksa perkauman-lah bunyi-nya. Jadi bagi orang² yang bukan Melayu kalau kurang sedap dengar gema ini, tolong minta ma'af sadikit dan jangan marah. Ini hendak memecah, operasi, sadikit operasi. Salah-nya ia-lah oleh kerana salah-nya dasar Perikatan memberikan hak² politik yang dahulu-nya di-punya'i oleh orang² Melayu terlalu banyak kepada orang² yang bukan Melayu, atau dengan kalimah yang lebeh mudah salah satu, puncha-nya ia-lah silap-nya dasar Perikatan yang memberikan hak politik orang Melayu kepada bukan Melayu—terlalu banyak, sedangkan pembalasan yang sa-harus-nya orang² Melayu menerima tidak-lah sewajar-nya, tidak lumayan, atau dengan kalimah yang lain sedangkan pembalasan-nya atas budi baik, pemberian hak² tadi orang² Melayu tidak dapat menerima hak² ekonomi yang di-janjikan kepada mereka, walau pun di-dalam Perlembagaan ada termaktub tentang kedudukan istimewa orang² Melayu. Ada fasal² yang ada dalam pindaan ini pun ada kaitan-nya. Sa-balek-nya, Tuan Yang di-Pertua, orang² bukan Melayu yang telah mendapat hak² kera'ayatan ini merasa bahawa mereka telah di-kelas-duakan dengan ada-nya kedudukan² istimewa bagi orang² Melayu di-dalam Perlembagaan. Antara dua sifat perasaan, orang Melayu merasa kechewa oleh kerana hak² politik yang sepatut-nya berada di-tangan mereka telah di-berikan dengan banyak-nya kepada orang² yang bukan Melayu, sedangkan mereka tidak mendapat pembalasan yang di-janjikan di-bidang ekonomi, walau pun hak² atau kedudukan istimewa terchatet dalam Perlembagaan dan di-samping itu orang² yang bukan Melayu yang telah pun mendapat hak kera'ayatan itu merasa mereka telah di-jadikan ra'ayat kelas dua oleh kerana ada-nya kedudukan² istimewa orang² Melayu dalam Perlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua, ada butir² kenyataan yang dapat bagi pehak orang Melayu menunjukkan sa-besar mana nilai-nya budi baik mereka kepada orang² yang bukan Melayu di-dalam memberikan hak kera'ayatan. Sa-hingga bulan Jun, 1969 hanya beberapa bulan sa-lepas peristiwa 13 Mei, sa-hingga bulan Jun, 1969 sa-banyak 1,510,230 orang yang bukan Melayu telah menjadi ra'ayat melalui "by registration" dan sa-banyak 71,799 orang orang² yang bukan Melayu yang telah mendapat hak kera'ayatan melalui naturalisation, jumlah semua-nya 1,582,029 orang. Ada pun

sa-lepas bulan Jun 1969 sa-hingga-lah hari ini butir²-nya belum dapat tahu lagi dan ini tentu-lah Majlis Gerakan Negara, atau pun Pengarah Gerakan Negara lebeh tahu daripada saya, sebab pada masa itu pemerentahan negara ini di-tangan dia, tidak lagi di-tangan chara parliamentary democracy

Tuan Yang di-Pertua: Meshuarat di-tanggohkan sa-hingga 2.30 petang esok.

Dewan di-tanggohkan pada pukul 6.30 petang.